

**Jilid II  
Bil. 39**



**Hari Khamis  
25hb Oktober, 1984**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**


**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 5661]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 5703]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 5703]**



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B.  
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan  
Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TENG LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Khamis, 25hb Oktober, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BADAN-BADAN BERKANUN  
MENGALAMI KERUGIAN**

1. **Dr George Chan Hong Nam** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Badan-badan Berkanun terdapat dalam negara kita setakat ini serta bilangannya yang didapati mengalami kerugian dan apakah langkah-langkah pembetulan yang akan diambil terhadap mereka yang menghadapi kerugian ataupun tidak berkesan atau mempunyai "overlapping roles" dengan Badan-badan Berkanun yang lain.

**Menteri di Jabatan Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini terdapat sebanyak 77 buah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan sebanyak 101 lagi ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri-negeri.

Dari jumlah di atas hanya sebanyak 34 buah Badan Berkanun yang menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan secara langsung. Berdasarkan kepada laporan tahunan 1983 dan maklumat yang terakhir di

setengah-setengahnya 18 buah daripada Badan-badan Berkanun mengalami kerugian.

Badan-badan Berkanun yang lain iaitu sebanyak 144 buah pada asasnya yang terlibat dalam aktiviti sosio-ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan menyusun semula masyarakat serta projek pembangunan di mana sektor swasta agak keberatan untuk melibatkan diri kerana kurang menguntungkan ataupun memerlukan modal yang besar. Dengan peranan yang pelbagai adalah tidak wajar Badan-badan Berkanun tersebut dinilai dari segi keuntungan/kerugian semata-mata. Faedah kepada rakyat dan kepentingan pembangunan negara haruslah juga diambil pertimbangan.

Di antara langkah-langkah pengawasan yang diambil ialah:

- (i) Mengemaskini sistem maklumat pengurusan bagi badan-badan tersebut. Pada masa ini satu Sistem Amaran Awal (Early Warning System) bagi mengawasi Badan-badan Berkanun, Perbadanan Awam dan Syarikat-syarikat Kerajaan sedang digubal. Sistem ini akan dapat mengesan prestasi serta mengenalpasti badan-badan tersebut yang menghadapi masalah.
- (ii) Perancangan program yang lebih teliti melalui kajian kemungkinan dan pemeriksaan belanjawan yang lebih ketat.

- (iii) Meningkatkan keupayaan pihak pengurusan di Badan-badan Berkanun seperti perlantikan Ketua Eksekutif, Ahli Lembaga Pengarah serta pegawai-pegawai yang berkualiti.
- (iv) Pengawasan di peringkat pusat seperti Majlis Tindakan Negara yang sering menyemak objektif dan bidang atau fungsi Badan-badan Berkanun supaya matlamatnya tercapai dan tidak berlaku penindihan tugas.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan bercadang untuk menutup Badan-badan Berkanun yang sentiasa mengalami kerugian sungguhpun pihak-pihak yang berkenaan ada mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbaiki keadaannya.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, prestasi Badan-badan Berkanun ini sentiasa sahaja diteliti oleh pihak Kerajaan. Bahkan di tahun-tahun yang lalu sekiranya Badan-badan Berkanun itu tidak menepati objektif dan sekiranya objektifnya ada berkaitan dengan untung-rugi, Kerajaan sudah pun mengambil tindakan menutup satu dua di antara Badan Berkanun ini.

Jadi, saya ingin menyatakan di sini sekiranya berlaku kaedah-kaedah di mana terdapat sebuah Badan Berkanun terus rugi dan tidak menepati matlamatnya ataupun objektifnya, maka saya ingin katakan di sini ada kemungkinan perkara menutup Badan Berkanun itu dilakukan bergantung kepada kaedah-kaedahnyanya.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama

dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sewaktu melakukan lawatan ada membubarkan atau menutup anak-anak syarikat Badan Berkanun di negeri-negeri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah Kerajaan merancang mana-mana syarikat ataupun pihak Badan Berkanun yang mendapat keuntungan yang baik akan diswastakan dan sekiranya ada rancangan hendak diswastakan, bilakah masanya dan berapa banyakkah Badan Berkanun yang boleh diswastakan?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, mengswastakan sesuatu projek termasuk juga mungkin anak-anak syarikat daripada Badan-badan Berkanun bergantung kepada penilaian Kerajaan sendiri yang akan dibuat oleh pihak UPE di Jabatan Perdana Menteri. Selain daripada itu Kerajaan juga menimbang dalam rangka mengswastakan sesuatu projek ini sama terdapat ada tawaran untuk mengambil alih sesuatu projek itu untuk diswastakan. Sekiranya setelah dikaji oleh Jabatan Perdana Menteri satu projek termasuk juga mana-mana anak syarikat daripada Badan-badan Berkanun ini didapati perlu untuk diswastakan, saya percaya keputusan untuk berbuat demikian akan dilakukan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya bahawa badan berkanun ini adalah ditubuhkan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Adakah benar ada setengah-setengah pihak yang cuba mensabotaj badan-badan berkanun ini supaya gagal. Sekiranya ada, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi membela badan-badan berkanun itu yang kita letakkan sebagai satu badan untuk mencapai tahap Dasar Ekonomi Baru tetapi telah disabotaj oleh pihak-pihak yang tertentu.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatakan bahawa adanya gejala sabotaj ini agak terlalu umum oleh kerana kesan-kesannya mesti didapati dan setakat ini kita tidak mendapat laporan bahawa mana-mana di antara badan-badan berkanun kita disabotajkan oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, sekiranya badan berkanun itu melibatkan diri dengan dunia perniagaan, memang menjadi perkara biasa bahawa persaingan akan timbul dan dalam rangka persaingan ini tidak bolehlah kita takrif secara umumnya sebagai satu sabotaj.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Newman Gaban tidak hadir).*

#### KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

**3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil kajian yang telah dijalankan setakat ini oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memasukkan kedua-dua kumpulan pekerja (KWSP dan PERKESO) ke dalam skimnya dan nyatakan jumlah pengeluaran wang caruman KWSP bagi tahun 1983 untuk:

- (a) ahli yang mencapai umur persaraan 55 tahun;
- (b) ahli-ahli yang mencapai umur 50 tahun;
- (c) maksud pembelian rumah kos rendah;
- (d) maksud pembelian rumah selain daripada rumah kos rendah;
- (e) maksud kematian;
- (f) ahli-ahli yang meninggalkan Malaysia; dan
- (g) maksud kecacatan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, belum ada kajian yang dibuat oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) dan memasukkan kedua-dua pertubuhan iaitu KWSP dan PERKESO ke dalam skim KWSP.

Jumlah pengeluaran wang caruman KWSP oleh pencarum-pencarum pada tahun 1983 adalah sebanyak \$515.6 juta. Ini merupakan pengeluaran yang lebih dilakukan pencarum-pencarum KWSP bagi pelbagai jenis pengeluaran yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 seperti berikut:

- (1) Pengeluaran pada umur persaraan 55 tahun ialah \$204.8 juta.
- (2) Pengeluaran satu pertiga (one-third) caruman pada umur 50 tahun ialah \$84.9 juta.
- (3) Pengeluaran bagi pembelian rumah kos rendah ialah \$3.7 juta.
- (4) Pengeluaran bagi pembelian rumah jenis bukan kos rendah ialah \$141.5 juta.
- (5) Pengeluaran kerana kematian ialah \$34.8 juta.
- (6) Pengeluaran faedah kematian ialah \$10.8 juta.
- (7) Pengeluaran kerana meninggalkan Malaysia ialah \$26.4 juta.
- (8) Pengeluaran kerana tidak berkeupayaan bekerja ialah \$8.4 juta.
- (9) Pengeluaran faedah tahunan ialah \$0.35 juta.

Dan jumlah ialah \$515.6 juta.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan sehingga hari ini untuk mengkaji semula skim KWSP ini bagi

tujuan untuk memperuntukkan lebih faedah kepada para pencarum.

Soalan kedua yang saya ingin bertanya ialah bilakah Kerajaan dapat menimbang untuk mencantumkan KWSP dengan badan PERKESO memandangkan dua badan ini adalah mempunyai objektif yang sama.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, pada peringkat ini pihak Kementerian menganggap sudahlah cukup faedah yang diberi kepada pencarum-pencarum tetapi jikalau ada suggestion atau projek-projek yang boleh memberikan lebih faedah kepada pencarum-pencarum Kementerian sentiasa memberi perhatian dan memberi kajian di mana sesuai.

Berkenaan menyatukan KWSP dengan PERKESO, perkara ini tadi saya pun telah sebutkan, belum ada kajian yang dibuat tetapi pihak Kementerian dan KWSP ada mengambil perhatian terhadap masalah ini dan diharap di suatu waktu yang sesuai barangkali kajian yang mendalam akan dibuat.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya pengeluaran wang caruman untuk maksud pembelian rumah kos rendah itu agak kecil kalau dibandingkan dengan maksud-maksud yang lain.

Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah ini disebabkan oleh bilangan ahli yang memohon itu kecil ataupun oleh sekatan-sekatan yang lain yang timbul dari segi peraturan-peraturan KWSP terhadap pinjaman ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi ahli-ahli KWSP untuk menggunakan wang KWSP untuk pinjaman rumah kos rendah.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan jumlah pengeluaran untuk membeli rumah kos rendah masalah bukan oleh kerana ada sekatan-sekatan yang menjadi masalah untuk pencarum-pencarum tetapi oleh kerana yang pertama bilangan rumah-rumah kos rendah pun agak terhad dan sudah pun ada berbagai agensi-agensi lain di peringkat negeri dan juga dipihak swasta yang telah pun memberikan kemudahan untuk meminjam wang membeli rumah-rumah kos rendah dan sebab itulah jumlah ini kalau berbanding dengan jumlah yang dikeluarkan untuk pinjaman membeli rumah jenis yang bukan kos rendah kecil sangat.

#### KERJASAMA SELATAN-SELATAN

4. **Tuan Omar bin Haji Abdullah** minta perdana Menteri menyatakan tentang kemajuan dasar kerjasama selatan-selatan. Setakat ini apakah bantuan-bantuan yang telah dapat diberikan oleh Malaysia kepada negara-negara yang terlibat dan apakah bentuk bantuan dan faedah yang telah diterima oleh negara dari negara-negara yang berkenaan.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mengambil inisiatif yang positif untuk mengeratkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara membangun. Ini adalah disebabkan Malaysia sedar akan keupayaan negara-negara membangun untuk meningkatkan lagi prestasi ekonomi mereka melalui kerjasama di antara negara-negara membangun—kerjasama Selatan-selatan. Oleh kerana negara-negara itu mempunyai pengalaman dan keupayaan dalam bidang-bidang tertentu sesuatu program penting di dalam program kerjasama ini dijalankan oleh Kumpulan 77 melalui Program Tindakan Caracas, dengan

izin, Caracas Programme of Action. Di bawah program ini perbincangan-perbincangan dalam bidang kewangan, perdagangan, sains dan teknologi dan lain-lain telah diadakan dan Malaysia telah mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan-perbincangan tersebut.

Selain dari itu Malaysia juga telah menghadiri Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Antara Kerajaan untuk tindakan susulan dan penyelarasan Kumpulan 77 mengenai kerjasama ekonomi antara negara-negara membangun di Katigina, Columbia baru-baru ini. Perjumpaan ini telah memberikan kesempatan kepada negara-negara membangun untuk mengkaji dan menaksirkan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di bawah Program Tindakan Caracas dan juga untuk mengambil langkah-langkah yang difikirkan perlu untuk mengukuhkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara membangun di masa hadapan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia telah mengadakan satu langkah positif dalam menjalankan program kerjasama ini dengan melancarkan Program Kerjasama Teknik Malaysia. Bantuan ini diberikan kepada negara-negara yang kurang maju dan mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia. Setakat ini bantuan-bantuan yang diberikan termasuklah biasiswa, hadiah-hadiah, latihan, kemudahan-kemudahan latihan, mengadakan kemudahan untuk lawatan sambil belajar serta menempatkan di agensi-agensinya Kerajaan.

Kita telah memberikan kerjasama bantuan teknikal kepada negara di kepulauan Pasifik dan sebagai ahli anggota Jawatankuasa SHAIL kita telah memberikan bantuan teknikal kepada Mali. Melalui kerjasama Selatan-selatan ini Malaysia telah mendapatkan manfaat-manfaat yang

tertentu. Salah satu manfaat yang penting sekali ialah melalui kerjasama ini Malaysia telah dapat merapatkan lagi persahabatan dengan negara-negara tersebut dan mereka telah menyambut baik serta menghargai usaha-usaha Malaysia untuk mengeratkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara Selatan. Di samping itu Malaysia juga berpeluang mempelajari daripada pengalaman dan kebolehan negara-negara tersebut dalam bidang-bidang tertentu dan ramai pelajar-pelajar Malaysia juga berpeluang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi mereka.

#### KEGIATAN KEBUDAYAAN DI SEKOLAH—GARIS PANDUAN

5. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menjelaskan arahan baru yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran yang memberi garis-garis panduan bagi pengelolaan kegiatan-kegiatan kebudayaan di semua sekolah di Malaysia yang menghendaki semua kegiatan seumpama itu mematuhi Dasar Kebudayaan Negara; dan nyatakan sama ada garis-garis panduan seumpama itu akan menghadkan pertunjukan tarian-tarian kebudayaan golongan-golongan etnik yang lain dan jika ya, apakah had ini merupakan pencabulan hak perlembagaan rakyat Malaysia pelbagai kaum untuk menjalankan amalan-amalan kebudayaan mereka di sekolah-sekolah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah biasanya mengadakan persembahan-persembahan kebudayaan di majlis-majlis yang diadakan untuk sesuatu peristiwa penting atau persediaan menyertai sesuatu pertandingan. Setengah-setengah persembahan itu didapati tidak sesuai bagi murid-murid dan tidak selaras dengan aspirasi

negara. Oleh itu Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan garis panduan mengenai aktiviti-aktiviti kebudayaan di sekolah-sekolah melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3/1984 bertarikh 1-6-1984 dengan tujuan supaya aktiviti-aktiviti kebudayaan di sekolah-sekolah dapat dijalankan dengan lebih berfaedah dan bersesuaian dengan keperluan dan hasrat negara.

Garis panduan itu juga dikeluarkan untuk menegaskan bahawa bidang-bidang kesenian yang hendak diketengahkan dalam majlis-majlis atau upacara-upacara rasmi di sekolah-sekolah hendaklah berlandaskan kepada prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Mana-mana unsur kesenian asing hanya boleh dipersembahkan dalam majlis-majlis dan upacara-upacara sekolah setelah disesuaikan dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Garis panduan seumpama itu jelas tidak menghadkan pertunjukan tarian-tarian kebudayaan golongan-golongan etnik lain selagi ianya sesuai dan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi maklumat lebih lanjut mengenai apa kegiatan-kegiatan kebudayaan-kebudayaan yang ada disebarkan di setengah-setengah sekolah yang ada tidak selaras dengan aspirasi negara. Adakah semua ini ialah persembahan atau aktiviti-aktiviti kebudayaan di sekolah-sekolah aliran Cina dan Tamil, di mana kegiatan-kegiatan kebudayaan-kebudayaan Tamil dan Cina diadakan?

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa selepas pengeluaran Surat Pekeliling ini

mengenai garis panduan aktiviti-aktiviti kebudayaan di sekolah-sekolah sudah menghadkan program-program kebudayaan-kebudayaan sekolah-sekolah mengenai persembahan aktiviti-aktiviti kebudayaan etnik. Dan bolehkan satu keterangan yang jelas diberikan supaya menjamin semua sekolah-sekolah bahawa program-program kebudayaan lain-lain etnik tidak akan dihadkan, oleh kerana guideline tidak bercanggah dengan Dasar Kebudayaan Nasional tidak bererti. Apakah guideline itu?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, apa-apa sahaja jenis kebudayaan atau kesenian ataupun aktiviti yang bersangkutan-paut dengan perkara yang telah saya sebutkan yang bertentangan dan tidak selaras dengan aspirasi negara dan tidak selaras dengan inspirasi Kebudayaan Kebangsaan, ini kita anggap sebagai suatu yang tidak boleh kita galakan anak-anak kita di sekolah melakukannya.

Dari segi spesifik sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat untuk menentukan yang manakah tidak baik, yang mana baik, susah saya hendak senaraikan kerana senarainya begitu banyak. Namun demikian saya boleh beri contoh iaitu kita tidak mahu anak-anak kita mengamalkan, mempraktikkan apa yang dikatakan kebudayaan-kebudayaan atau budaya-budaya seperti disko, break dance dan sebagainya yang akan meruntuhkan akhlak anak-anak kita dan tidak berhasrat untuk memberikan nilai-nilai berguna kepada anak-anak kita, tetapi akan meruntuhkan akhlak, membawa perpecahan negara.

Mengenai apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat sama ada saya sedar atau tidak mengenai hakikat bahawa selepas circular atau garis

panduan ini dihantar ke sekolah-sekolah yang ada kebudayaan-kebudayaan kaum etnik yang tersekat, saya rasa setakat ini saya belum menerima laporan yang mengatakan ini telah disekat. Namun demikian kita akan menyiasat sama ada ini telah menyekat atau tidak, tetapi berasaskan kepada garis panduan ini kita percaya bahawa ini tidak menyekat, sebab ini hanya garis panduan dan saya baca salah satu daripada ayat yang ada di sini mengatakan iaitu:

“Adalah digalakkan supaya murid-murid di dedahkan kepada bidang-bidang kesenian berikut . . . . .”

Itu sahaja, tidak ada perkataan yang mengatakan menyekat.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha Kerajaan untuk mengukuh dan memperkembangkan kebudayaan nasional di mana sekolah-sekolah dijadikan sasaran untuk keberkesanan pencapaian matlamatnya, adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat golongan guru-guru yang anti kesenian, anti seni tari, seni lakon, seni nyanyi di mana golongan-golongan ini menganggap bahawa semua kegiatan-kegiatan kesenian yang diberikan di sekolah-sekolah itu adalah berunsurkan maksiat. Juga, adakah Kementerian ini sedar terdapat pula satu golongan lain yang menganggap bahawa kegiatan-kegiatan seni yang dijalankan di sekolah-sekolah itu pada kebanyakannya berunsurkan kesenian Melayu, maka dengan itu mereka tak mahu bergiat di dalam bidang kesenian itu. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan yang mendedahkan adanya perkara ini berlaku di sekolah-sekolah memang

ada diterima, namun demikian pihak Kementerian berusaha untuk menentukan supaya perkara ini dapat diselidiki dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

## KEMPEN KEBERSIHAN DEWAN BANDARAYA, KUALA LUMPUR

**6. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sejak pelancaran kempen kebersihan pada 15hb Ogos yang lalu oleh Dewan Bandaraya, apakah sambutan oleh sektor swasta dan awam dalam memupuk betapa pentingnya kebersihan dalam Wilayah Persekutuan dan apakah jenis kempen yang dijalankan supaya penduduk-penduduknya sedar bahawa kebersihan di Kuala Lumpur adalah tanggungjawab bersama di antara mereka dan Dewan Bandaraya dan berapa tan sampah yang dikutip tiap-tiap hari.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sambutan orang ramai terhadap kempen kebersihan yang telah dijalankan dalam tahun 1983 adalah tidak begitu menggalakkan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan kempen kebersihan pada 15hb Ogos, 1984 (tahun ini) bagi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dengan menumpukan usaha kepada kawasan-kawasan yang tertentu.

Bagi memastikan supaya sektor swasta dan pihak awam mengambil bahagian dalam kempen kebersihan ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun menjalankan beberapa kerja gotong-royong dan aktiviti khidmat nasihat kepada penduduk-penduduk di kawasan yang dimaksudkan. Sehingga hari ini sambutan penduduk di kawasan-kawasan yang ditumpukan adalah memuaskan, bagaimanapun,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus menjalankan kerja-kerja khidmat nasihat dan gotong-royong di kawasan-kawasan tertentu sekiranya pihak swasta dan pihak awam memerlukannya ataupun kelihatan mereka tidak mahu bekerjasama dalam menjaga kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur.

Berhubung dengan sampah yang dikutip pula, adalah dimaklumkan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengangkat sampah lebih kurang 1,500 tan setiap hari.

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut pengalaman kita di Wilayah Persekutuan ini apabila sesuatu kempen kebersihan dijalankan, kita dapati Bandaraya ini sangat bersih satu-dua hari sahaja, selepas itu kita dapati bahawa Bandaraya itu, lebih tepat, akan kurang bersih lagi. Dan yang paling mustahak pada himat saya ialah bukan kebersihan secara fizikal yang harus dididik, dilatih penduduk-penduduk, peniaga di Wilayah Persekutuan tetapi ialah untuk menyemaikan tanggungjawab, iaitu kebersihan bukan sahaja tanggungjawab DBKL, malahan setiap penduduk yang ada di wilayah ini. Soalannya, apakah langkah-langkah ke arah menyemaikan perasaan tanggungjawab ini kepada penduduk di dalam Wilayah Persekutuan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa soal kebersihan bukan sahaja datang daripada pihak Dewan Bandaraya ataupun Pihak Berkuasa malahan ia merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipikul bersama dan kesedaran tentang kebersihan, lebih-lebih lagi harus datangnya daripada perasaan dan semangat atau sepertimana disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat

itu perlu disemaikan di dalam perasaan penduduk-penduduk di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Proses untuk menyemaikan semangat ini mengambil masa sedikit dan sudah tentulah bahawa tindakan yang berkesan ialah dengan cara pihak Dewan Bandaraya dan Pihak Berkuasa di Wilayah Persekutuan mengambil tindakan yang lebih serius, iaitu dengan cara mengenakan kompaun dan mengenakan denda dan sebagainya untuk menentukan supaya sekurang-kurangnya di kawasan bandar itu sahaja semangat kebersihan itu akan dapat dipupuk.

Selain daripada itu, kalaulah dapat diwujudkan kesedaran ataupun semangat cinta dan bangga kepada kawasan tertentu dan kawasan setempat, saya rasa proses menyemaikan semangat cintakan kepada kebersihan ini akan dapat mencapai kejayaan. Dalam konteks ini perlulah badan-badan sukarela dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat, termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab bagi Kawasan-kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan ini mengambil peranan yang sama dan janganlah melihatkan kepada soal kebersihan ini sebagai satu tanggungjawab Dewan Bandaraya, tetapi apabila ada pihak-pihak yang kena saman dan sebagainya pula mereka mengambil bahagian dalam cuba memperjuangkan pihak-pihak yang turut mengotorkan keadaan dan kawasan sekeliling. Oleh kerana kekotoran ini berpunca daripada berbagai-bagai punca, perlulah tindakan daripada semua pihak turut juga diselaraskan dan digalakkan.

#### BANTUAN KEPADA ORANG-ORANG MISKIN

7. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

(a) orang-orang miskin yang ada pernah membuat jasa kepada

Negara. Adakah Kerajaan telah atau bercadang untuk memberi bantuan kepada mereka untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional atau mana-mana syarikat pelaburan, dan adakah ini suatu langkah yang baik; dan

- (b) apakah langkah-langkah jika didapati matilah seseorang yang mendapat bantuan bulanan. Bolehkah terus disalurkan bantuan bulanan itu kepada anak-anaknya atau isterinya yang miskin; jika boleh, bagaimana caranya dan jika tidak boleh, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan rakyatnya memang memberi penghargaan kepada seseorang yang pernah membuat jasa kepada negara, sama ada mereka itu orang miskin atau kaya. Penghargaan itu tidak semestilah merupakan bantuan kewangan.

Berhubung dengan cadangan untuk memberi bantuan kepada orang miskin yang membuat jasa kepada negara untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional atau mana-mana syarikat pelaburan, Kementerian saya tidak bercadang untuk berbuat demikian oleh kerana dasar pemberian bantuan kewangan oleh Kementerian saya bertujuan membantu dan mengatasi masalah kehidupan yang dihadapi oleh mereka dan seterusnya membantu mereka berdirinya dengan usaha mereka sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang mengadakan berbagai bantuan untuk membantu orang-orang miskin, seperti bantuan orang tua, bantuan kanak-kanak, bantuan am dan sebagainya.

Berhubung dengan soalan (b), jika seseorang yang menerima bantuan

bulanan itu menerima bagi pihak keluarganya dan didapati meninggal dunia, bantuan yang diterima itu boleh diteruskan sekiranya keluarga itu didapati masih memerlukannya. Bantuan bulanan tersebut boleh diberi atas nama isterinya atau anaknya. Caranya ialah apakala berlaku sesuatu kematian tersebut, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berkenaan akan mengkaji semula kedudukan keluarga tersebut dan sekiranya didapati perlu, akan meneruskan bantuan kepada keluarga yang berkenaan. Walau bagaimanapun, jika seseorang yang menerima bantuan bulanan itu menerima bantuan untuk diri sendiri dan meninggal dunia, bantuan yang diterima itu tidak boleh diberi kepada waris-waris yang lain.

#### **RUMAH KOS RENDAH/SEDERHANA—BILANGAN PEMOHON**

**8. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemohon, menurut pecahan kaum, untuk mendapatkan rumah kos rendah dan sedarhana yang didaftarkan di bawah sistem pendaftaran terbuka sehingga akhir September, 1984;
- (b) bagaimana Dewan Bandaraya bercadang menempatkan pemohon-pemohon di atas dan berapa unit rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana yang telah dibina oleh Dewan Bandaraya dan sektor swasta sehingga akhir September, 1984; dan
- (c) selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menjual rumah pangsa kos rendah kepada penyewa-penyewa yang telah menduduki lebih 10 tahun, berapakah rumah pangsa yang telah dijual oleh Dewan Bandaraya sehingga akhir

September, 1984 dan berapa banyak permohonan yang sedang diproses bagi tempoh yang sama.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan September, bagi menjawab soalan bahagian (a), bilangan pemohon yang telah mendaftar untuk mendapatkan rumah kos rendah ialah seramai 5,928 pemohon yang terdiri daripada 31.6% Melayu, 50.3% Cina, 0.17% India dan kurang daripada 1% ataupun 0.009% lain-lain. Bilangan pemohon untuk mendapat rumah sederhana ialah seramai 35,917 yang terdiri daripada 41.3% Melayu, 42% Cina, 16% India dan 0.7% lain-lain.

Bagi menjawab soalan bahagian (b) pula, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Dewan Bandaraya merancang hendak membina sebanyak 30,000 unit rumah kos murah di Wilayah Persekutuan dan setakat ini telah siap dibina sebanyak 9,478 unit rumah kos rendah dan 459 kos sederhana, manakala 6,742 unit adalah dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 1985.

Oleh kerana kekurangan kewangan, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil keputusan untuk meneruskan program pembinaan rumah kos rendah melalui strategi penswastaan. Pada ketika ini di bawah dasar penswastaan itu sebanyak 14,000 unit rumah murah dan sederhana akan dibina dan adalah dijangka sebanyak 4,000 unit akan siap pada hujung tahun ini dan bakinya pada akhir tahun hadapan atau tahun 1986. Beberapa projek penswastaan sedang berada di peringkat penilaian dan perancangan dan melalui dasar penswastaan ini saya berasa yakin pencapaian matlamat di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah

cerah, insya-Allah. Buat masa ini sumbangan sektor swasta terhadap pembinaan rumah kos rendah adalah terhad. Oleh itu Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil keputusan untuk memberi galakan kepada pihak pemaju swasta untuk membina rumah-rumah kos rendah dan rumah kos sederhana dengan mengecualikan tanah yang digunakan untuk tujuan membina kos rendah itu dari pembayaran pertukaran syarat tanah ataupun dikenakan pembayaran yang nominal. Ini merupakan subsidi secara langsung daripada Kerajaan bagi membantu pemaju-pemaju swasta yang akan disampaikan kepada pembeli-pembeli melalui kos rumah dan harga rumah yang berpatutan.

Bagi menjawab bahagian (c) pula, sehingga akhir bulan September, 1984 sebanyak 2,387 penghuni rumah pangsa telah ditawarkan untuk membeli rumah pangsa Dewan Bandaraya. Dari jumlah ini 2,169 telah menerima tawaran, 11 menolak dan 207 masih belum memberi jawapan kepada pihak Dewan Bandaraya.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar setakat ini peruntukan rumah pangsa dan rumah kos rendah Dewan Bandaraya diperuntukkan menurut isteri pemohon dan anaknya, ibu bapa dan adik beradiknya yang belum kahwin tidak dapat ditimbangkan atau dikira. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bercadang mengubah sistem yang tidak adil ini supaya membolehkan mereka tinggal dalam tempat kediaman yang sama?

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masalahnya bukanlah masalah keadilan ataupun untuk membantu keluarga-keluarga seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat

itu untuk duduk di rumah pangsa yang berdekatan. Sebenarnya masalah yang kita hadapi ialah masalah jumlah atau bilangan rumah pangsa yang boleh diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang terlibat kerana bilangan rumah pangsa ini kurang maka terpaksa kita mengadakan garis-garis panduan yang menentukan supaya satu-satu keluarga sahaja yang diuntukkan rumah-rumah pangsa mengikut kelayakan masing-masing dan sudah tentulah bagi mereka yang belum berkahwin dan sebagainya mereka tidak layak menerima rumah-rumah pangsa yang bercorak dua bilik dan tiga bilik dan terpaksa menunggu giliran masing-masing. Saya sedar tentang masalah ini oleh kerana dalam keadaan masyarakat Malaysia di mana keluarga jenis extended ini merupakan satu ciri utama dalam penghidupan masyarakat kita. Tetapi walau bagaimanapun memandangkan kepada bilangan rumah yang telah dibina oleh Kerajaan dan tidak mencukupi kepada semua pihak, saya rasa perkara ini hanya akan dapat diatasi apabila keadaan dapat diperbaiki.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kebanyakan si pemohon untuk mendapat rumah pangsa adalah datang dari kaum bukan bumiputera. Oleh hal yang demikian suka saya bertanya sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menambah peratus peruntukan untuk kaum Bumiputera supaya mereka boleh dapat lebih banyak peluang untuk memperolehi rumah kos rendah ini?

Yang kedua ialah sebagai satu cara untuk menggalakkan pemilikan rumah kos rendah oleh golongan berpendapatan rendah, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan tempoh kelayakan

menduduki rumah pangsa dari 10 tahun ke 5 tahun supaya lebih ramai penduduk-penduduk ataupun penghuni-penghuni rumah pangsa dapat peluang untuk membeli rumah pangsa ini.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi peruntukan mengikut kaum, Dewan Bandaraya dan Kementerian saya sentiasa mengikut keperluan semasa dan lebih-lebih lagi peruntukan rumah-rumah kos rendah ini pada masa kini lebih tertumpu kepada penempatan semula setinggian dan oleh yang demikian kadang-kadang kala peruntukan untuk mereka yang menunggu terpaksa ditawakufkan buat sementara waktu. Bagaimanapun tentang soal pemilikan rumah kos rendah adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk melihat bahawa jumlah akhirnya yang akan disewakan oleh Dewan Bandaraya kepada penghuni-penghuni rumah pangsa berada di satu paras yang lebih menasabah oleh kerana satu masalah yang dihadapi oleh Kerajaan dari segi pembinaan dan perancangan pembinaan rumah-rumah kos rendah ini ialah bahawa dari segi menentukan kadar sewa yang merupakan satu masalah yang sentiasa memerlukan subsidi ataupun pembiayaan daripada pihak Kerajaan sendiri. Oleh hal yang demikian untuk mengurangkan beban subsidi yang mungkin terpaksa dipikul oleh pihak Kerajaan maka Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menggalakkan supaya pada suatu masa nanti sebahagian besar daripada rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana yang dibinakan di bawah program ini akan dapat dijual dan hanya sebahagian kecil sahaja yang disewakan kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan subsidi melalui sewa yang rendah. Dan soalnya sama ada tempoh 10 tahun itu akan dikurangkan kepada 5 tahun atau dikurangkan pada satu jangka masa

yang lebih kurang daripada 10 tahun, itu merupakan sebahagian daripada pertimbangan pihak Kerajaan tetapi akhirnya matlamat kita ialah untuk melihat supaya sebahagian besar daripada rumah-rumah awam ini akan dimiliki terus oleh penghuni-penghuni.

### LPN—BERAS YANG ROSAK

9. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah tan beras yang dibeli oleh Lembaga Padi Negara yang didapati rosak, sebab-sebabnya dan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung akibat ini dengan memberikan angka-angka bagi setiap tahun sejak 1978.

19-11-84

6. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah sebenar beras yang telah rosak di kompleks-kompleks LPN di Kedah, Seberang Prai, Tanjong Karang dan Kelantan dalam tahun 1983 dan 1984;
- (b) adakah benar seperti kenyataan Ketua Pengarah LPN sebab utama kerosakan itu ialah kerana LPN sendiri membeli padi yang sudah rosak. Jika benar, apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan kadar pembelian padi yang rosak oleh pihak LPN dapat dikurangkan;
- (c) apakah LPN mempunyai satu rancangan yang berkesan bagi menyediakan lebih banyak lagi pusat-pusat pengeringan yang dapat menampung kelebihan pengeluaran padi dengan kemampuan LPN sendiri; dan
- (d) apakah langkah Kementerian untuk memastikan bahawa kerosakan beras yang berlaku tempoh hari itu adalah satu

perkara yang tidak langsung melibatkan penyelewengan dari segi urusniaga LPN dengan saudagar-saudagar beras.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan satu soalan lagi daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar yang terjatuh pada 19hb November, 1984 kerana kedua-dua soalan ini mempunyai maksud yang kurang lebih sama.

Tuan Yang di-Pertua, LPN membeli beras dari dua sumber iaitu dari sumber import dalam bentuk beras dan sumber tempatan dalam bentuk padi yang kemudiannya dikisar untuk menghasilkan beras. Sebenarnya tidak ada beras yang rosak dalam ertikata yang ianya tidak dapat digunakan langsung. Apa yang sebenarnya berlaku ialah sebahagian daripada beras yang dibeli atau dihasilkan jatuh mutunya dari semasa ke semasa atas sebab-sebab yang berikut.

Bagi beras yang diimport ada kalanya guni-guni yang mengandungi beras menjadi bocor semasa pengendalian atau ditimpa air hujan atau air laut semasa pelayaran. Bagi padi yang dibeli dalam negeri di antara sebab-sebabnya ialah mutu padi yang dibeli sebahagiannya adalah rendah kerana mempunyai kandungan wap basah yang tinggi dan pembelian padi muda. Selain daripada itu beras juga jatuh mutunya kerana terlalu lama disimpan di dalam gudang-gudang. Ini disebabkan beras itu tidak memasuki edaran pasaran. Edaran di dalam pasaran pula bergantung sedikit sebanyak kepada pilihan pengguna yang biasanya tertumpu kepada gred-gred beras yang bermutu tinggi sahaja.

Untuk mengatasi masalah kejatuhan mutu beras ini pihak LPN sentiasa menasihatkan petani-petani supaya mengubah sikap mereka

dan seterusnya menggalakkan mereka menjual padi yang masak, bersih dan kering sahaja kepada LPN. Nasihat dan galakan ini telah pun berjalan melalui kempen amalan baik di kalangan petani-petani yang telah berjalan semenjak tahun 1981.

Bagi petani-petani yang tidak berbuat demikian, padi-padi mereka terpaksa dikenakan potongan wap basah, padi muda dan sampah. Bagi beras yang diimport yang jatuh mutunya, tuntutan adalah dibuat kepada pihak insuran atau pihak perkapalan.

Selain daripada itu LPN juga mengambil tindakan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pengeringan dan pengilangan di kompleks-kompleks yang ada dan membina kompleks-kompleks yang baru untuk menampung pembelian padi yang meningkat dari setahun ke setahun. Bagi tahun 1985 umpamanya LPN bercadang untuk membina tiga buah lagi kompleks bersepadu.

Masalah penyelewengan dari segi urusan LPN dengan saudagar-saudagar beras yang mengakibatkan kejatuhan mutu tidak berbangkit kerana ianya tidak berlaku. Angka-angka jumlah beras yang jatuh mutunya mengikut tahun semenjak tahun 1978 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Tan Metrik</i>
1978 .. ..	9,244
1979 .. ..	8,957
1980 .. ..	33,890
1981 .. ..	44,541
1982 .. ..	34,306
1983 .. ..	17,500
1984 .. ..	16,096 (hingga akhir September)

Bagi beras yang tersimpan di kompleks-kompleks LPN di Kedah, Seberang Perai, Tanjong Karang dan

Kelantan, jumlah yang jatuh mutunya bagi tahun-tahun 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Tahun</i>	<i>Tan Metrik</i>
Kedah/Perlis	1983	4,671.38
	1984	4,678.61
Seberang Perai	1983	Tidak ada
	1984	861.90
Tanjong Karang	1983	9,090.38
	1984	1,478.90
Kelantan	1983	4,104.00
	1984	5,220.60

Adalah diakui bahawa LPN mengalami kerugian akibat daripada kejatuhan mutu beras yang dibeli atau yang diproses olehnya. Kerugian ini tidak dapat dielakkan dan jumlahnya adalah bergantung kepada harga jualan beras tersebut dari semasa ke semasa. Proses jualan ini adalah suatu proses yang terus menerus bergantung kepada permintaan pasaran.

#### PADI—PENGELUARAN/KEPERLUAN NEGARA

**10. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah hasil padi negara sekarang telah dapat memenuhi keperluan negara atau masih bergantung kepada import dari luar negeri dan benarkah padi yang disimpan dalam kompleks-kompleks LPN mengalami kerosakan akibat tidak terurus jagaannya dengan baik dan benarkah simpanan padi dengan menggunakan kelambu, plastik PVC dapat menyelamatkan padi simpanan dari rosak dan binasa.

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini pengeluaran padi negara adalah tidak memenuhi keperluan negara keseluruhannya. Sebahagian kecil keperluan ini akan dipenuhi melalui import yang sekurang-kurangnya dalam lingkungan 15% dari pengeluaran negara.

Mengenai soalan kerosakan beras jawapannya telah saya berikan kepada soalan Yang Berhormat dari Sungei Besi dan juga Parit Buntar sekejap tadi.

### BAHASA MALAYSIA— MEMPERKAYAKAN

**11. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan lain-lain institusi pelajaran untuk memperkayakan bahasa Malaysia terutama dalam bidang Sains, Perubatan, Teknik, Kejuruteraan dan lain-lain selain daripada menyerapkan bahasa asing ke Bahasa Malaysia.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama institusi-institusi pelajaran seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Institut Teknologi MARA dan lain-lain, sentiasa berusaha memperkayakan Bahasa Malaysia terutama sekali dalam bidang-bidang Sains, Perubatan, Teknik, Kejuruteraan dan lain-lain. Selain daripada penyerapan istilah-istilah khusus dari bahasa asing ke Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa juga mengambil kata-kata daripada bahasa Malaysia yang digunakan sehari-hari. Kata-kata yang diambil itu diberikan pula makna yang khusus.

Dewan Bahasa juga mengambil kata-kata daripada bahasa-bahasa daerah di Semenanjung Malaysia dan bahasa-bahasa sukuan di Sabah dan Sarawak. Sekiranya langkah-langkah ini tidak berhasil, maka dicari kata-kata daripada bahasa-bahasa serumpun seperti bahasa Jawa, bahasa Sunda dan sebagainya.

Langkah menyerapkan kata-kata asing ke dalam Bahasa Malaysia merupakan tindakan dan langkah yang terakhir iaitu setelah diteliti dan difikirkan semasak-masaknya oleh pakar-pakar bidang dan ahli-ahli bahasa yang terkemuka di negara ini. Garis panduan mencipta istilah seperti ini, yang terkandung di dalam buku "Pedoman Umum Pembentukan Istilah" adalah juga diamalkan di Indonesia sejak 1975 lagi.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar pegawai-pegawai yang bertanggungjawab selalunya mewujudkan perkataan dengan ejaan baru dan kadangkala tidak ada makna dengan sewenang-wenangnya. Misalnya kalau kita gunakan telefon pada tahun 70an kita diarahkan menggunakan talipon sekarang ejaan ini ditukar kepada telefon.

Saya ingin tahu daripada pihak yang berkenaan bilakah kita hendak mewujudkan satu istilah dan ejaan yang tetap bagi semua perkataan dalam bidang Sains, Perubatan dan Kejuruteraan dan sebagainya.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, bahasa itu hidup. Bahasa itu sentiasa tumbuh subur berubah dari semasa ke semasa. Jadi, oleh itu kita sentiasa mengubah, menukar dan menyesuaikan dengan keadaan di mana perlu dan sekiranya perubahan ini dianggap sebagai sesuatu yang membawa kebaikan terhadap negara.

Namun demikian mengenai perkara yang telah dikemukakan oleh ahli Yang Berhormat itu memanglah ada golongan yang tidak bersetuju dengan hakikat bahawa bahasa itu ditukar-tukarkan dan harus kita tentukan masa bila mana bahasa itu ejaannya dapat kita tetapkan.

Namun demikian, pihak Kementerian dan pihak-pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan agensi-agensi Kerajaan yang tertentu sentiasa mengambil berat soal ini dan berusaha untuk menentukan tindakan sewajarnya diambil.

### **KAMPUNG TRADISIONAL— PENYUSUNAN SEMULA**

**12. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah alat-alat jentera dan pentadbiran Kerajaan bergiat bagi mengatasi halangan-halangan dalam program penyusunan semula kampung-kampung tradisional. Apakah badan-badan Kerajaan yang dilibatkan dalam program ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohammad Yahya bin Lampong):** Tuan Yang di-Pertua, program penyusunan semula kampung-kampung tradisional telah pun diumumkan dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan juga Dasar Pertanian Negara.

Selepas taklimat yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Ketua-ketua Jabatan pada 10hb April, 1984 program penyusunan kampung lebih dikenali sebagai program pembangunan kampung dan luar bandar yang kini sedang dalam tahap awal pelaksanaan. Pihak-pihak negeri telah pun mengenal pasti sebanyak 25 kawasan projek untuk dilaksanakan. Sehingga kini tidak terdapat halangan-halangan besar seperti Yang Berhormat maksudkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah pun menyusun strategi yang kukuh dalam perancangan, pelaksanaan projek bagi menghadapi segala kesulitan yang akan timbul itu.

Antara langkah-langkah awal yang telah dirancang ialah:

- (1) Mengadakan dialog antara penduduk tempatan di samping kursus-kursus pendek ke arah perubahan sikap dan pemikiran yang positif dan responsif terhadap dasar-dasar Kerajaan.

Yang kedua, menubuhkan suatu Jawatankuasa Peringkat Negeri dan Daerah bagi tujuan menyelaraskan dan mengawas pelaksanaan projek di samping mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Menjawab bahagian (b), Badan-badan Kerajaan yang terlibat ialah agensi-agensi di peringkat Negeri dan Daerah yang melaksanakan projek ini seperti Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Haiwan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan lain-lain agensi pelaksanaan yang terlibat secara terus dengan projek pembangunan. Boleh dikatakan bahawa hampir semua agensi Kerajaan adalah terlibat memandangkan bahawa projek ini menggunakan yang pendekatan bersepadu dari segi pelaksanaannya.

### **KEMEROSOTAN EKONOMI NEGARA—LANGKAH MENGAWAL**

**13. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengawal kemerosotan kedudukan ekonomi negeri kita memandangkan pinjaman sektor awam dan sektor swasta telah meningkat ke paras bahaya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa keadaan

ekonomi negara kita amat bergantung kepada perkembangan ekonomi negara-negara maju.

Sejak tiga tahun yang lalu ekonomi dunia telah mengalami keadaan kemelesetan yang berpanjangan dan ini telah membawa kesan yang amat buruk kepada ekonomi negara kita. Dengan pertumbuhan ekonomi yang rendah di negara-negara maju berserta dengan keadaan kewangan dunia yang tidak menentu, maka jumlah eksport negara kita dan juga hasil Kerajaan telah terjejas dan ini telah menghadkan keupayaan ekonomi negara kita untuk berkembang.

Pada tahun 1982 Kerajaan telah meneruskan langkah "counter-cyclical" ataupun satu dasar yang meningkatkan perbelanjaan Kerajaan dengan tujuan untuk melawan kesan kemelesetan ekonomi dunia bagi jangka masa pendek. Tetapi keadaan kemelesetan seperti yang kita sedar dan ketahui terus berpanjangan dan ini telah terus menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan, sehingga ianya terpaksa mengurangkan perbelanjaan untuk mengelakkan kita meminjam wang yang lebih banyak dan menanggung beban bayaran hutang yang banyak kelak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa ekonomi dunia dan juga kedudukan kewangan antarabangsa terus kekal di peringkat tidak menentu itu, maka Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan kesan kemelesetan ini dapat dikawal.

Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan beban hutang negara dengan membuat pinjaman luar negeri yang lebih rendah. Tindakan juga telah diambil untuk memastikan supaya perbelanjaan Kerajaan dikekalkan pada tahap yang serendah-rendah yang boleh.

Langkah-langkah untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan ini termasuklah pembekuan pengisian jawatan-jawatan dan pengujudan jawatan-jawatan baru, kecuali bagi jawatan-jawatan yang penting sahaja.

Begitu juga perbelanjaan bagi hal-hal lain seperti pengangkutan dan perjalanan bagi pegawai-pegawai Kerajaan ataupun menghadiri mesyuarat dan persidangan serta juga kemudahan serta alat kelengkapan pejabat telah dan akan dikawal dengan lebih ketat lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, Kerajaan juga telah dan akan terus mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara. Adalah dirasakan bahawa membaiki kedudukan akaun dagangan dan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran merupakan langkah yang perlu untuk dijadikan asas kemajuan ekonomi negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 14 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).*

## HOSPITAL DAERAH KOTA MARUDU

2. Tuan Newman Gaban minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapa pembinaan hospital di Daerah Kota Marudu yang telah lama diluluskan, tangguhkan berkali-kali walaupun ia dapat menampung keperluan perubatan penduduk miskin luar bandar seramai lebih kurang 70,000 orang.

**Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):** Hospital Daerah Kota Marudu adalah satu projek yang telah diluluskan. Tanah untuk pembinaan

hospital ini telah diperolehi pada tahun 1982. Pelan-pelan telah siap tetapi malangnya Kementerian menghadapi kekurangan peruntukan pada masa ini. Projek ini akan dimulakan apabila peruntukan yang diperlukan didapati.

#### DASAR EKONOMI BARU— KEJAYAAN

**14. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan setelah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru selama empat belas tahun ini, apakah kejayaan yang dicapai dalam usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Butir-butir pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam dekad pertama, 1970-1980, adalah terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Keempat (RME). Butir-butir pencapaian selanjutnya bagi tempoh 1981-1983 pula terkandung di dalam Kajian Separuh Penggal RME. Ketika ini pihak Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah awal bagi menyediakan Rancangan Malaysia Kelima. Rancangan ini kelak akan memberi gambaran yang lebih jelas mengenai DEB seterusnya ke tahun 1990.

Walau bagaimanapun, untuk memberi penjelasan kepada soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan, suka saya menyatakan di sini beberapa pencapaian penting DEB sehingga akhir tahun 1983. Dari aspek pembasmian kemiskinan, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang dari 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 29.0 peratus dalam tahun 1980 tetapi telah meningkat sedikit kepada 30.3 peratus dalam tahun 1983 akibat daripada

kemelesetan ekonomi dunia dan kemerosotan harga barangan utama. Sementara itu, kadar kemiskinan di Sabah telah berkurang dari 58.3 peratus dalam tahun 1976 kepada 29.2 peratus dalam tahun 1982, manakala di Sarawak dari 56.5 peratus kepada 31.3 peratus.

Saya ingin menegaskan lagi di sini bahawa konsep kemiskinan di Malaysia adalah berbeza daripada kemiskinan yang terdapat di beberapa negara yang sedang membangun. Bentuk kemiskinan yang keterlaluan seperti kelaparan, kebuluran serta tempat tinggal yang amat daif tidak wujud di negara kita. Kesimpulan mengenai sama ada sesebuah isi rumah itu miskin atau tidak hendaklah juga mengambil kira mutu dan banyaknya kemudahan-kemudahan asas yang mereka terima berbanding dengan isirumah yang lain. Taraf hidup isirumah miskin di negara ini, terutamanya di kawasan luar bandar telah meningkat hasil dari perluasan perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti sekolah, hospital, jalan, jambatan, bekalan air dan elektrik.

Dari segi penyusunan semula masyarakat pula, terdapat beberapa kemajuan serta perubahan-perubahan yang begitu ketara telah dicapai. Umpamanya, kedudukan keseimbangan pendapat di antara kaum dalam tempoh 1971-1979 telah bertambah baik. Pada tahun 1970 tingkat pendapatan purata sebenar sebulan seisirumah bagi orang-orang Melayu ialah \$172.00, Cina \$394.00 dan India \$304.00. Pada tahun 1979, tingkat pendapatan ini telah meningkat ke \$296.00 bagi orang-orang Melayu, \$565.00 bagi orang-orang Cina dan \$455.00 bagi orang-orang India. Kemajuan penyusunan semula pekerjaan pula menunjukkan bahawa ketiga-tiga kaum telah mengalami pertumbuhan guna tenaga yang pesat dalam tempoh 1971-1980. Kadar pengangguran bagi ketiga-tiga

kaum telah berkurangan dalam tempoh tersebut. Kadar pengangguran bagi kaum Bumiputera telah menurun dari 8.1% pada tahun 1970 kepada 6.5% dalam tahun 1980, kaum Cina dari 7.0% kepada 3.9% dan kaum India dari 11.0% kepada 6.3%. Dalam tahun 1983, kadar pengangguran bagi ketiga kaum ini, masing-masing telah meningkat sedikit kepada 7.0%, 4.0% dan 6.4%. Kedudukan pembahagian pekerjaan professional pula, walau bagaimanapun menunjukkan bahawa kaum Melayu masih jauh ketinggalan berbanding dengan pencapaian kaum Cina, tetapi pencapaian tersebut jelas menunjukkan terdapat satu kemajuan yang menggalakkan dari segi penyusunan semua guna tenaga ini.

Dalam bidang hakmilik harta syarikat, sehingga 1983 hakmilik kaum bumiputera telah mencapai 18.7 peratus sementara hakmilik rakyat Malaysia yang lain telah mencapai hampir 48 peratus.

Untuk memperolehi maklumat-maklumat yang lebih terperinci lagi saya harap Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kembali kepada perangkaan-perangkaan lain di dalam buku RME dan Kajian Separuh Penggal RME.

#### **PELAJAR BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA DI UNIVERSITI**

**15. Tuan Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan tempat yang diperuntukkan masing-masing kepada Bumiputera-bumiputera dan bukan Bumiputera di semua Universiti-universiti tempatan bagi pengambilan pelajar-pelajar tahun pertama sesi 1984/85; dan
- (b) bilangan tempat-tempat yang diperuntukkan bagi pelajar-pelajar Bumiputera yang tidak dipenuhi dan bilangan

tempat-tempat yang diperuntukkan semula bagi pelajar-pelajar bukan Bumiputera.

#### **Tuan Bujang bin Haji Ulis:**

- (a) Bilangan tempat yang disediakan bagi kemasukan sesi 1984/85 bagi Bumiputera ialah 4,007 dan bukan Bumiputera ialah 3,279.
- (b) Bilangan tempat yang diperuntukkan bagi pelajar-pelajar Bumiputera yang tidak dapat dipenuhi adalah 47. Tempat-tempat ini tidak diperuntukkan semula bagi pelajar-pelajar bukan Bumiputera.

#### **KERUSI KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA DI BANGSA-BANGSA BERSATU**

**16. Dato' Lee Boon Peng** minta Menteri Luar memberi satu laporan mengenai cadangan baru Menteri Luar Vietnam, Nguyen Co Thach bahawa Hanoi sedia menerima satu kumpulan negara-negara berkecuali menyelia damai di Kampuchea, dan menjelaskan sama ada cadangan itu akan menjejaskan kerusi Kerajaan campuran Demokratik Kampuchea di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

12-11-84

**12. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong** minta Menteri Pelajaran menyatakan bolehkah Menteri Pelajaran memberi angka-angka perbelanjaan untuk peperiksaan SRP, SPM dan STPM di Sabah bagi tahun 1982 dan 1983 dari segi peratus dan bilangan yang lulus.

12-11-84

**18. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Malaysia dan Negara Asean lain, bersetuju dengan cadangan Hanoi untuk mewujudkan

satu Badan Berkecuali Menjaga Keamanan di Kampuchea (Creation of a neutral international peace keeping Force in Kampuchea) yang dianggapkan bukan satu perkara baharu. Apakah perbincangan yang diadakan atau akan diadakan itu di New York, akan mencapai hasil yang baik bagi keamanan di negara tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj):** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang hampir-hampir serupa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan Pasir Putih pada 12hb November yang akan datang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, akhbar-akhbar tempatan telah melaporkan beberapa kenyataan yang dibuat oleh Menteri Luar Vietnam Encik Nguyen Co Thach berkaitan dengan soal Kampuchea baru-baru ini terutamanya sekali disaat-saat sebelum Persidangan Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu dimulakan. Di antara kenyataan-kenyataan yang dilaporkan itu termasuklah cadangan mengenai satu kumpulan negara-negara berkecuali menyelia perdamaian di Kampuchea.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan ini serta cadangan-cadangan yang lain yang dilaporkan itu bukanlah merupakan perkara-perkara yang baru. Mengenai cadangan penyeliaan keamanan di Kampuchea, pihak ASEAN sendiri dan terlebih dahulu telah menyarankan satu langkah yang praktikal iaitu supaya satu pasukan pengemanan antarabangsa ditubuhkan untuk menyelia keamanan di Kampuchea, menyelia pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea dan juga menyelia pilihanraya bebas di

Kampuchea supaya dapat didirikan sebuah kerajaan dan negara yang bebas dan merdeka.

Dalam pertemuan saya dengan Encik Co Thach di New York baru-baru ini, saya telah meminta beberapa penjelasan dari beliau mengenai cadangan-cadangan Vietnam yang dilaporkan itu dan dari apa yang telah dijelaskan oleh Encik Co Thach, saya dapati pihak Vietnam mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza dari ASEAN mengenai beberapa perkara di atas soal Kampuchea termasuklah cadangan penyeliaan damai di Kampuchea. Pendirian Vietnam pada hemat saya, nampaknya tidak berganjak daripada apa yang dahulu. Banyak lagi perlu diberi penjelasan oleh Vietnam. Encik Co Thach menggunakan istilah-istilah yang sama diutarakan oleh ASEAN seperti pengunduran askar-askar Vietnam dari Kampuchea, pilihanraya, penentuan sendiri (self-determination), perdamaian negara (national reconciliation) dan Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa tetapi malangnya Encik Co Thach mempunyai interpretasi konsep-konsep ini yang berlainan daripada takrif dan makna yang difikirkan oleh ASEAN dan yang diiktiraf dan digunakan oleh masyarakat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kita dan ASEAN akan terus membuka pintu untuk rundingan-rundingan lanjut dengan Vietnam agar pandangan-pandangan Vietnam mengenai soal Kampuchea dapat diselaraskan dengan pandangan-pandangan ASEAN supaya satu penyelesaian politik ke atas soal Kampuchea ini dapat dicapai secara aman dan damai.

Mengenai soalan kedua Ahli Yang Berhormat itu, cadangan penyeliaan damai Kampuchea tidak akan menjejaskan kerusi Kerajaan Campuran Demokratik di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

## POLARISASI KAUM

**17. Dr Koh Tsu Koon** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebabnya masalah polarisasi telah menjadi bertambah merosot di antara kaum-kaum di negara kita. Apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan polarisasi dan memajukan saling memahami dan perpaduan di kalangan rakyat.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Pertanyaan ini telah pun di jawab oleh Y.A.B. Pemangku Perdana Menteri semasa beliau menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 8hb Oktober, 1984. Saya tidak bercadang menambah kepada jawapan itu.

## PENGANGGUR DI MALAYSIA

**18. Tuan Omar bin Haji Abdullah** minta Menteri Buruh menyatakan tentang jumlah pengangguran di Malaysia masa kini. Dari jumlah itu berapa peratuskah yang melibatkan pemegang Ijazah dan Diploma. Apakah benar pengangguran pemegang Ijazah dan Diploma khususnya golongan profesional akan mendorong kepada wujudnya krisis sosial dan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan dirancang untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):** Mengikut Laporan Kajian Separuh Pengal Rancangan Malaysia Ke 4, jumlah penganggur di negara kita pada tahun 1983 adalah seramai 335,500 orang iaitu atas kadar pengangguran sebanyak 6.0% dari jumlah tenaga buruh di negara kita. Jumlah mereka yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat setakat 31hb Ogos, 1984 untuk mendapat pekerjaan adalah seramai 67,995 orang. Dari jumlah ini, 1.9% atau 1,297 orang adalah pemegang Ijazah atau Diploma. Dari jumlah itu pula seramai

105 orang atau 8.1% telah bekerja tetapi berdaftar untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Angka pengangguran di kalangan pemegang Ijazah atau Diploma itu tidaklah begitu besar dan tidak mungkin menimbulkan krisis sosial di negara ini oleh kerana mereka berkelulusan profesional dan akan dapat diserapkan apabila wujud pekerjaan yang sesuai nanti.

## 'OLIGOPOLI' DALAM INDUSTRI SIMEN

**19. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah keadaan 'oligopoli' dalam industri simen di negara ini menyebabkan masalah bekalan, kenaikan harga dan manipulasi perniagaan simen di negara ini. Kalau tidak apakah sebab-sebabnya wujud daripada masa ke semasa masalah-masalah berkenaan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa wujud keadaan 'oligopoli' dalam industri simen di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat lima syarikat pengeluar simen tempatan yang berkeupayaan untuk membekal keperluan simen dalam negara. Tidak ada kaitan di antara kilang-kilang simen ini, dan tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kilang-kilang ini secara bersepadu mengambil tindakan-tindakan untuk mengurangkan pengeluaran mereka bagi maksud-maksud 'speculative'. Malahan dari pengalaman-pengalaman yang kita lihat dan siasat, kilang-kilang simen ini bersaing antara satu sama lain untuk menguasai pasaran simen dalam negeri.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa industri simen adalah strategik kepada negara

dan kita mempunyai kepentingan untuk menentukan bahawa industri ini terus berkembang. Kita tidak boleh membiarkan industri ini diancam oleh pengeluaran mereka di lain-lain yang mempunyai kecenderungan untuk melambak pengeluaran mereka di sini. Kegiatan-kegiatan oleh pengeluar asing di Malaysia adalah didorong oleh kegagalan mereka untuk memasar sepenuhnya pengeluaran mereka di lain-lain pasaran. Walaupun demikian ini tidak juga bermakna bahawa industri simen tempatan boleh mengambil tindakan sewenang-wenangnya untuk mengurangkan pengeluaran atau menaikkan harga mereka. Harga simen dalam negara adalah dikawal dan kita tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pengeluar-pengeluar tempatan menjual simen di atas harga yang telah ditetapkan. Dalam pada itu Kerajaan akan terus mengkaji kos pengeluaran industri simen tempatan dengan tujuan supaya mereka dapat mengurangkan kos mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bekalan simen yang timbul baru-baru ini ialah disebabkan oleh masalah pengangkutan dan pembayaran. Di masa yang lalu, keperluan simen untuk negeri-negeri seperti Johor dan Kelantan adalah diimport dari Singapura dan Thailand dengan harga yang murah tanpa apa-apa duti import dikenakan. Harga simen yang diimport ialah \$136.00 setan metrik, manakala harga simen tempatan ialah di antara \$186.00 hingga \$192.00 setan metrik. Oleh kerana pengimportan ini menjejaskan industri simen dalam negara ini, mulai 26hb Jun, 1984 Kerajaan telah mengenakan duti import ke atas simen sebanyak 50% atau \$80.00 setan metrik, mengikut yang mana lebih tinggi. Penguatkuasaan duti import ini telah mengakibatkan keputusan bekalan simen yang diimport kerana

pengimportan simen tidak lagi menguntungkan oleh kerana harga simen yang diimport setelah duti import diambil kira adalah lebih tinggi dari harga simen tempatan. Pengguna-pengguna dan syarikat-syarikat yang dahulu mengimport simen terpaksa beralih haluan dan mendapatkan bekalan simen dari syarikat-syarikat pengeluar tempatan. Sungguhpun permintaan yang bertambah ini boleh dibekalkan oleh syarikat-syarikat pengeluar, simen tidaklah boleh dihantar dengan serta merta kerana soal pembayaran, dan kemudahan kredit terpaksa dirundingkan dahulu dan kemudahan-kemudahan pengangkutan melalui lori dan keretapi terpaksa ditingkatkan.

Masalah pengangkutan ini perlu dibincang dengan beberapa pihak dan terpaksa diatur dan ditingkatkan dengan sebegitu rupa supaya tidak menjejaskan penghantaran simen ke negeri-negeri lain selain dari negeri Johor dan Kelantan dan juga tidak menjejaskan penghantaran barang-barang lain seperti getah, beras dan sebagainya. Syarikat-syarikat simen juga perlu menentukan cara pembayaran oleh pelanggan-pelanggan yang baru ini sebelum simen dibekalkan. Bagi pelanggan-pelanggan yang lama pula, hutang lama dengan pembekal-pembekal simen tempatan terpaksa dijelaskan sebelum bekalan baru boleh dibuat.

Setelah beberapa mesyuarat diadakan dan tindakan-tindakan tertentu diambil oleh Kementerian, masalah pengangkutan dan pembayaran ini telah dapat dibereskan dan masalah bekalan simen terutama di negeri Johor dan Kelantan telah dapat diatasi. Bekalan simen di negara juga telah bertambah dengan bermulanya pengeluaran simen oleh Kedah Cement Sdn. Bhd. semenjak awal bulan Ogos yang lalu.

## RANG UNDANG-UNDANG

3.35 ptg.

RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN, 1985

## Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (24hb Oktober 1984).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN,  
1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (24hb Oktober 1984).

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Lambir, sila teruskan.

**Tuan George Chan Hong Nam (Lambir):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum mesyuarat ditangguhkan kelmarin, saya menyentuh tentang masalah pengesahan jawatan guru-guru terlatih di negeri Sarawak.

Setakat ini ada 979 guru-guru terlatih yang terdiri daripada Bumiputera dan bukan Bumiputera yang telah mengajar lebih tiga tahun tetapi masih belum mendapat pengesahan jawatan mereka.

Sebahagian besarnya adalah kerana mereka tidak memperolehi kelulusan Bahasa Malaysia peringkat SRP dengan kepujian. Mereka telah menduduki peperiksaan SRP Bahasa Malaysia berulang kali tetapi masih gagal mendapat kepujian.

Pada 1hb September, 1983, mereka diberitahu bahawa mereka dikehendaki mendapat kelulusan SPM Bahasa Malaysia dengan Kepujian. Ada di kalangan mereka yang telah pun lulus SRP dengan Kepujian (Bahasa Malaysia) pada September, 1983 tetapi diberitahu bahawa mereka sekarang tidak layak disahkan oleh kerana keperluan yang baru iaitu kelulusan SPM Bahasa Malaysia dengan Kepujian.

Ini telah menimbulkan perasaan tidak berpuas hati di kalangan guru terlibat. Syarat tersebut adalah tidak berpatutan sebab syarat pengesahan yang ditawarkan pada mulanya ialah lulus dengan kepujian di peringkat SRP atau kelulusan yang setaraf dengannya. Jadi syarat baru tersebut adalah bercanggah dengan syarat semasa tawaran jawatan diberi kepada mereka.

Kesemua guru yang terlibat telah bertungkus lumus untuk mempelajari Bahasa Malaysia. Ini boleh dibuktikan dengan keinginan guru-guru menyertai kursus intensif Bahasa Malaysia yang dianjurkan oleh

Jabatan Pelajaran Sarawak. Kebanyakan guru dalam kumpulan ini memang tidak mempunyai asas langsung dalam Bahasa Malaysia. Ini bukanlah kehendak mereka tetapi disebabkan oleh sistem pendidikan yang diadakan pada tahun enam-puluhan, tahun-tahun di mana baharu sahaja mencapai kemerdekaan.

Jumlah guru-guru yang sedang berkhidmat di negeri Sarawak ialah 14,370 orang. Dari angka tersebut, 11,362 adalah guru terlatih dan 3,008 guru-guru sementara. Dari jumlah guru terlatih seramai 979 guru yang masih belum disahkan dalam jawatan selepas tempoh percubaan 3 tahun dan 1,775 adalah guru-guru dari Semenanjung Malaysia.

Jumlah kekurangan guru terlatih yang Sarawak sedang menghadapi ialah 3,008. Jika syarat baru ialah kelulusan SPM Bahasa Malaysia dengan Kepujian diwajibkan kepada semua guru yang belum disahkan dalam jawatan mereka, saya khawatir bahawa sebahagian besar daripada 979 orang guru akan kena dihentikan kerja kerana tidak memperolehi kelayakan SPM Bahasa Malaysia dengan Kepujian.

Untuk mewajibkan syarat baru tersebut adalah tidak realistik. Mengikut beberapa graduan dari universiti tempatan dan menerima pendidikan dari aliran Bahasa Malaysia bahawa mereka sendiri pun tidak dapat lulus SPM Bahasa Malaysia dengan kepujian.

Masalah-masalah tentang gagal mendapat pengesahan jawatan oleh kerana kegagalan lulus peperiksaan SPM Bahasa Malaysia dengan kepujian bukan sahaja dihadapi oleh guru-guru tetapi juga melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan, khasnya mereka di bidang teknik dan profesyenal, misalnya, jurutera, akitek, doktor dan sebagainya.

Kedadaan begini telah menimbulkan banyak frustrasi bagi kalangan pegawai-pegawai yang berkenaan kerana walaupun mereka telah berkhidmat dengan cemerlang tetapi masih tidak disahkan dalam jawatan mereka semata-mata disebabkan gagal memperolehi SPM Bahasa Malaysia dengan kepujian.

Sehubungan dengan masalah yang sedang saya mengemukakan, saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk memberi pertimbangan yang bersimpati dan sewajar-wajarnya atas permintaan seperti berikut:

- (a) Membatalkan syarat baru iaitu keperluan lulus SPM Bahasa Malaysia dengan kepujian dan kekalkan keperluan lama, iaitu lulus SRP Bahasa Malaysia dengan kepujian bagi semua guru dan pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat.
- (b) Menggantikan keperluan lulus SPM Bahasa Malaysia dengan satu peperiksaan Bahasa Malaysia Khas yang lebih realistik dan sesuai bagi pegawai-pegawai tempatan yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Persekutuan memandangkan begitu ramai yang sedang berkhidmat telah gagal memperolehi kelulusan SPM Bahasa Malaysia dengan kepujian walaupun mereka telah bertungkus-lumus dan cuba berulang kali mengambil peperiksaan tersebut.

Mungkin adalah berfaedah jika satu penilaian dapat dibuat atas kesesuaiannya taraf SPM Bahasa Malaysia bagi Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat. Satu kes ujian harus diadakan. Adalah dicadangkan bahawa mereka yang menggubalkan dasar memerlukan pegawai-pegawai lulus SPM Bahasa Malaysia dengan kepujian harus cuba mengambil peperiksaan SPM sendiri.

Adalah penting untuk mengetahui berapakah di antara mereka yang dapat lulus dengan kepujian. Jika hanya minority sahaja dapat lulus, maka adalah tidak realistik memerlukan pegawai lain untuk lulus peperiksaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita menganalisa ekonomi negara kita, kita akan dapati bahawa sektor pertanian memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara kita dari segi sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar, gunatenaga dan pendapatan tukaran wang asing. Saya memperhatikan bahawa sektor tersebut menyumbangkan sebanyak 22.4 daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan jumlah eksportnya berjumlah 32.4 peratus serta menampung sebanyak 37 peratus daripada jumlah gunatenaga. Pada masa ini, sektor pertanian sedang menghadapi beberapa halangan, sebahagiannya berbentuk struktur. Masalah utamanya dari daya pengeluaran dan paras pendapatan rendah di sektor pekebun kecil. Mereka masih mengamalkan "subsistence economy". Sebabnya timbul keadaan tersebut adalah jelas, iaitu terdapat saiz kebun yang tidak ekonomik, tanaman yang memberi pulangan rendah, kaedah pengeluaran yang tradisional dan kurangnya peluang mendapat bantuan dan khidmat sokongan.

Jadi, sebahagian besar tenaga manusia negara kita telah dibazirkan dalam kegiatan-kegiatan pertanian yang mendatangkan hasil pengeluaran rendah dan tertimbulnya masalah kemiskinan yang meluas di kalangan mereka. Sehubungan dengan perkara ini, saya ingin mengesyorkan bahawa satu kajian mendalam diadakan untuk mencari cara-cara bagaimana masalah tersebut dapat diatasi. Misalnya, menggunakan jentera atau "mechanisation". Pendekatan ini

mungkin boleh diamalkan jika perladangan secara koperasi diadakan. Pada pendapat saya, perladangan secara koperasi adalah satu caranya yang boleh mengatasi masalah struktur, khususnya halangan ke saiz tanah dalam usaha mempertingkatkan daya pengeluaran dan pendapatan. Di mana sesuai, kebun-kebun kecil boleh disatukan dan dimajukan sebagai ladang koperasi dan diuruskan secara estet untuk mendapat faedah sepenuhnya di samping menggalakkan penggunaan jentera. Peraturan-peraturan harus diadakan untuk membahagi-bahagikan faedah daripada ladang-ladang koperasi secara teratur di kalangan peserta-peserta.

Jika pendekatan baru ini dapat dijalankan dengan jayanya, saya percaya kita akan ada lebih tenaga manusia dari sektor pertanian dan lebih tenaga manusia itu boleh disalurkan ke kegiatan-kegiatan yang lebih produktif, misalnya, dalam kegiatan industri-industri "agro-based" atau pertanian "down-stream". Dengan adanya penggunaan jentera secara besar-besaran, masalah kekurangan buruh di sektor tertentu dalam negara kita dapat juga diatasi dan saya yakin kita tidak akan perlu mengimport buruh kasar dari luar negeri lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita masih mempunyai kaitan rapatnya dengan sektor pertanian. Sebagaimana kita sedia maklum, harga-harga keluaran pertanian atau komoditi-komoditi utama adalah selalu berubah-ubah. Keadaan tersebut boleh mengakibatkan ekonomi negara kita kurang stabil. Ini adalah satu bahaya yang timbul daripada satu ekonomi yang "lopsided". Oleh yang demikian, Belanjawan negara kita perlulah bertujuan untuk memperluas, mendiversifi dan memperbaiki ekonomi negara kita. Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh dua sektor utama,

iaitu Sektor Perkhidmatan dan Sektor Perindustrian. Imbangan Pembayaran Negara kita menunjukkan bahawa kekurangan akaun perkhidmatan semakin bertambah.

Adalah diperhatikan bahawa sebahagian besar daripada kekurangan akaun perkhidmatan adalah disebabkan pertambahan yang pesat bagi bayaran pendapatan, pelaburan, pengangkutan dan insurans yang merupakan 71.3% daripada kekurangan keseluruhan akaun perkhidmatan. Bayaran bersih untuk pengangkutan dan insurans telah meningkat daripada \$1,781 juta dalam tahun 1980 kepada \$2,243 juta dalam tahun 1983. Keadaan begini tentulah kurang sihat bagi ekonomi kita. Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan bahawa satu rancangan khas harus diadakan dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang untuk mengurangkan defisit dari akaun perkhidmatan. Adalah penting bagi Kerajaan untuk mengadakan lebih banyak insentif-insentif dan dorongan bagi pengusaha-pengusaha negara kita menceburi diri dalam perusahaan pengangkutan barangan antarabangsa dan insuran. Insentif-insentif harus juga diadakan bagi pelabur-pelabur tempatan untuk melaburkan modal serta menyimpan modal mereka di Malaysia. Saya percaya kita akan bergerak ke arah ini dengan adanya struktur cukai pendapatan baru yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan bagi tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membahaskan Belanjawan pada tahun 1982 dan 1983, saya telah menyentuh tentang masalah-masalah perubatan di negeri Sarawak dan sebab-sebab memerlukan pertambahan peruntukan. Dukacita saya memperhatikan peruntukan-peruntukan bagi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Sarawak

tidak ada pertambahan pada keseluruhannya dan bagi maksud pembangunan ia adalah kurang daripada tahun 1984. Misalnya:

- (a) Peruntukan bagi Perkhidmatan Kesihatan luar bandar bagi tahun 1985 ialah \$1,320,010 dibandingkan dengan \$2,830,000 pada tahun ini.
- (b) bagi memperbaiki hospital-hospital, peruntukan ini telah dikurangkan dengan lebih tiga setengah juta, iaitu hanya \$1,110,000 diperuntukkan pada tahun 1985 dibandingkan dengan \$4,717,920 pada tahun 1984.
- (c) Bagi hospital-hospital baru untuk Bintulu, Julau, Daro dan Betong yang telah pun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat, projek-projek tersebut masih tergantung walaupun Rancangan Malaysia Keempat akan tamat pada hujung tahun ini dan pada tahun 1985, hanya "token provision" berjumlah \$10.00 diperuntukkan.
- (d) Peruntukan-peruntukan bagi Rancangan Latihan Perkhidmatan Stor Perubatan dan Perkhidmatan Makmal juga diberi "token sum" berjumlah \$10.00.

Untuk memberi satu gambaran yang lebih jelas tentang keadaan kesihatan di negeri Sarawak, ingin saya menurunkan di sini beberapa statistik penting yang dikutip pada tahun 1983:

- (a) Bilangan pesakit yang masuk berbagai hospital—859,953.
- (b) Bilangan pesakit menghadapi penyakit batuk kering atau T.B.—1,678 kes.
- (c) Keadaan kurang makan di kalangan kanak-kanak atau malnutrition—daripada 120,374 kanak-kanak yang diperiksa di

bawah "nutritional surveillance", seramai 39,298 atau 32.6% di dapati menghadapi kekurangan makanan atau malnutrition.

- (d) Nisbah doktor dengan penduduk:
- (i) Di Simunjan, satu kawasan luar bandar seorang doktor bagi 40,140 penduduk.
  - (ii) Di kawasan luar bandar kadar purata bagi negeri Sarawak ialah seorang doktor untuk 13,776 penduduk.
  - (iii) Di bandar, kadar purata ialah seorang doktor untuk 6,337 penduduk.
- (e) Nisbah doktor pergigian ialah seorang doktor pergigian untuk 31,687 penduduk.
- (f) Kadar kematian bayi (infant mortality rate) ialah 40 tiap-tiap seribu bayi yang hidup.

Statistik-statistik rasmi yang saya mengemukakan adalah berketerangan sendiri dan tidak payah bagi saya menjelaskan selanjutnya tentang keadaan kesihatan sebenarnya di Sarawak. Saya ingin merayu sekali lagi kepada Kementerian Kesihatan untuk menambah peruntukan-peruntukan bagi berbagai perkhidmatan kesihatan dan perubatan di Sarawak.

Sebagai satu langkah untuk mengatasi kekurangan peruntukan bagi maksud kesihatan, suka saya mencadangkan bahawa Kerajaan kita memohon kepada Badan-badan Kesihatan Sedunia atau lain-lain negara maju untuk mendapat bantuan luar bagi pembangunan perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong Belanjawan Tahun 1985 serta Rang Undang-undang Perbekalan (1985).

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ipoh.

3.57 ptg.

**Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas langkah berani beliau dalam merumuskan satu Belanjawan untuk menggalakkan sektor swasta supaya menyumbang kepada pertumbuhan negara. Hendaklah diakui bahawa pada tahun-tahun yang lalu sektor awamlah yang menyediakan kebanyakannya kewangan untuk pertumbuhan. Memangnya dalam masa tahun-tahun itu negara ini telah melalui satu kemerosotan dan kewangan pembangunan adalah kebanyakannya dipinjam dari luar negeri. Kita telah sampai ke peringkat di mana faedah hutang kita boleh menjadi satu beban jika kita terus mengikut pemborosan tahun 1981.

Yang Berhormat Menteri Kewangan tiada pilihan lain selain daripada mengenakan kawalan. Bagaimanapun, pembangunan mesti diteruskan dan saya harap sektor swasta akan menghadapi cabaran ini. Ini memang satu Belanjawan yang memihak para pelabur dengan memberikan potongan-potongan cukai yang banyak serta berbagai-bagai galakan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa perkara yang saya ingin berucap yang mana saya fikir boleh meniadakan galakan-galakan Belanjawan ini sekiranya pihak Kerajaan ataupun sektor swasta yang berkenaan tidak memberi pertimbangan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersukacita bahawa pihak Kerajaan telah mengambil langkah

mengurangkan deficit dalam Belanjawan kita dan salah satu cara ialah memperhebatkan langkah perindustrian di dalam negara kita. Dengan penuh harapan, ini akan mengurangkan deficit dalam imbalan perdagangan dalam dua cara; dengan mengeksportkan barang-barangan yang dikeluarkan serta memotong balik import dengan pengganti-pengganti daripada barang-barangan yang begitu dikeluarkan, menerusi intensifikasi perindustrian.

Antara kedua-dua cara mengurangkan deficit dalam imbalan perdagangan, adalah lebih mudah untuk memajukan penggantian import daripada memajukan eksport, kerana sikap perlindungan negara-negara membangun. Bagaimanapun, untuk memajukan penggantian import, selalunya ada satu halangan penting, iaitu orang-orang Malaysia adalah prasangka terhadap barang-barang yang dibuat di negara ini pada amnya. Saya menyalahkan prasangka ini sebahagiannya atas iklan-iklan agresif oleh pengeluar-pengeluar barangan asing tetapi kita mesti jangan lupa bahawa pengilang-pengilang tempatan juga adalah sebahagian besar disalahkan.

Saya merujuk kepada barang-barangan yang kurang bermutu (shoddy goods) yang dikeluarkan oleh setengah pengilang-pengilang tempatan. Barang-barangan yang kurang bermutu ini, saya percaya adalah disebabkan oleh ketidakcekapan, kekurangan kemahiran dan perancangan industri-industri tempatan. Barang-barang ini adalah kadangkala dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada barang-barangan yang diimportkan.

Sebagai contohnya, kita adalah semua tahu akan pengaduan-pengaduan tentang kereta-kereta yang dipasangkan di sini berbanding dengan "model" yang serupa yang diimportkan. Kereta-kereta terpasang

tempatan ini adalah kadangkala dipasangkan terlalu buruk, bahawa pembeli mencari skru-skru telah terlepas. Saya tidak menyatakan bahawa kesalahan ini tidak berlaku di kereta-kereta import, tetapi ia tidak selalu dilakukan. Ini pasti tidak menggalakkan keyakinan dalam barang-barang pengeluaran tempatan. Juga, saya terdapat industri-industri tempatan adalah konservatif dan selalu mempunyai sikap bergantung atas Kerajaan bagi subsidi, lebih baik daripada cukup initiative dan innovative, dengan izin, mengurangkan kos pengeluaran dan mulai sekarang mencabar barang-barang import atas asas kualiti dan ekonomi yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan melancarkan satu kempen "Membeli Malaysia" tidak lama lagi. Satu kempen sedemikian hanya dapat berjaya jika usahawan-usahawan akan mengambil satu kelihatan yang baik pada mereka sendiri, dan menukar sikap bergantung terlalu banyak atas pihak Kerajaan dan berusaha seberapa daya bagi barang-barang pengeluaran Malaysia yang lebih bermutu dan lebih murah. Saya pasti jika barang-barang tempatan kami ada lebih baik dan murah daripada barang-barang pengeluaran yang diimportkan, orang ramai akan membeli barang-barang tempatan dengan adanya atau tanpa satu kempen "Membeli Malaysia". Bola sedang di kaki usahawan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak boleh dinafikan bahawa jika negara kita hendak mencapai satu asas ekonomi yang kukuh, bahawa terutama sekali rakyatnya mesti bertaat setia kepada negara supaya menyediakan satu kedudukan politik yang stabil demi keyakinan pelaburan yang terus menerus. Oleh yang demikian, saya tidak bergaduh dengan

Kerajaan dalam pembatalan kewarganegaraan lebih 600 orang yang ingin mendapat kerakyatan dalam negara-negara yang mereka bermastautin.

Bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan Kerajaan kerana mengambil tindakan membatalkan kewarganegaraan kira-kira 7,000 orang yang mengikut Kerajaan telah menyalahgunakan kewarganegaraan mereka. Jika dengan penyalahgunaan yang pihak Kerajaan memaknakan, bahawa antara 7,000 orang ini mereka ada yang mempunyai kerakyatan dua negara, jadi saya tidak akan bersimpati dengan mereka. Tetapi bagi mereka yang telah melawat negeri China tanpa keizinan undang-undang daripada pihak Kerajaan, saya merasa bahawa pembatalan kewarganegaraan mereka adalah satu tindakan yang terlalu keras diambil terhadap mereka. Dengan segala caranya, pihak Kerajaan seharusnya menghukum mereka dan menarik balik pasport mereka untuk sedikit masa, tetapi mengambil tindakan akhir membatalkan kewarganegaraan mereka adalah terlalu keras.

Saya menyeru pihak Kerajaan untuk menimbang semula keputusannya, khususnya memandangkan hakikat bahawa peraturan-peraturan yang sedia ada sekarang melarang lawatan-lawatan ke negeri China adalah amat terhad. Saya pasti penyiasatan Kerajaan mungkin akan terdedah bahawa ramai orang menyeberangi ke negeri China kerana mereka ingin tahu (curious) tentang negeri China, ada pula pergi melawat saudara-mara mungkin bagi kali yang terakhir, dan ada pula pergi mencari identiti dan akar umbi (roots) mereka dan tidak bagi sebab-sebab subversif. Jika adanya kes-kes subversif, maka pihak Kerajaan harus mengambil tindakan yang perlu untuk melayan mereka sebagai musuh-musuh negara,

baik daripada melayan semua yang menyeberangi ke negeri China sebagai anasir-anasir subversif.

Saya berharap Kementerian Dalam Negeri dapat menerangkan kepada kita atas penyiasatannya terhadap mereka yang menyeberangi ke negeri China tanpa kebenaran, dan barangkali boleh menerangkan kenapa tindakan keras diambil terhadap warganegara-warganegara yang taat setia kepada negara ini tetapi kurang bijak pergi ke negeri China tanpa meminta kebenaran; sungguhpun anasir-anasir subversif terbukti yang mengakui kesalahan-kesalahan mereka adalah masih menjadi warganegara negara ini. Memanglah jika anasir-anasir subversif yang diakui sendiri boleh diampunkan, kenapa pula pihak Kerajaan terlalu keras atas pelancung-pelancung haram yang kurang bijak dan kelim kabut di Negeri China.

Saya ingin menunjukkan kepada pihak Kerajaan bahawa kaum Cina di negara ini adalah taatsetia kepada Kerajaan dan menganggap Malaysia sebagai tanah tumpah darahnya. Bagi mereka yang dilahirkan di sini dan meninggalkan Malaya pada masa itu ke China, saya boleh menyatakan dengan tepatnya bahawa mereka semua mahu kembali ke tanahair mereka Malaysia. Saya bercakap dengan pengalaman perseorangan sebagai seorang Wakil Rakyat bagi Ipoh. Saya telah merayu kepada Kementerian Dalam Negeri bagi pihak setengah bekas orang Malaya yang kini umurnya lebih 70-80 tahun. Saudara mara mereka di Malaysia telah meminta kebenaran mereka untuk berpindah daripada China ke Malaysia, agar jika mereka tidak dapat hidup sepanjang hayat di sini, sekurang-kurangnya mereka boleh mati di tanahairnya Malaysia. Ini menunjukkan sikap kaum Cina Malaysia memasuki bekas Cina Malaya yang menganggap Malaysia sebagai rumah yang satu dan tunggal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi bahawa Belanjawan ini akan menggalakkan pelaburan dalam perindustrian oleh sektor swasta, tetapi saya rasa industri yang mempunyai implikasi pancaran tidak patut dijalankan sama sekali. Ini telah berlaku kepada kilang Asian Rare Earth di Papan. Isu Papan tidak sepatutnya dijadikan satu isu dengan erti kata sebenarnya. Sebuah syarikat Jepun yang bertanggungjawab ke atas perlombongan bahan-bahan galian yang tertentu terpaksa membuang sisa-sisa nuklear di sana akibat daripada aktiviti perlombongan ini. Dalam pada itu telah ditetapkan supaya kawasan Papan dijadikan pusat pembuangan bagi sisa-sisa tersebut. Di samping itu langkah-langkah pencegahan juga dilakukan untuk mengawal pembocoran sisa-sisa nuklear itu ke kawasan-kawasan luar bandar di sekitarnya.

Berita mengenai pembuangan ini dan kebimbangan orang ramai terhadap kemungkinan berlakunya pembocoran sisa-sisa nuklear telah menimbulkan perasaan panik dan protes pula menjadi-menjadi di kalangan mereka. Keadaan ini telah membentuk satu peluang kecemasan kepada setengah-setengah ahli politik lantas tidak ketinggalan dalam mengeksploitasikan isu ini. Tanpa mengindahkan eksploitasi ini, persoalan di sini ialah sama ada kebimbangan orang ramai itu adalah berasas ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kebimbangan itu adalah berasas, maka tindakan serta merta harus diambil untuk menyekat pembuangan yang selanjutnya sehingga kita merasa puashati dengan jaminan bahawa pembuangan tersebut telah betul-betul selamat. Dengan ini kebimbangan orang ramai baru boleh diredakan.

Berhubung dengan masalah keselamatan, adalah wajar supaya keselamatan itu diambil perhatian

berat sekiranya didapati bahawa pembuangan itu boleh mendatangkan manfaat. Bagi pihak Malaysia, hasil keuntungan dari perlombongan itu boleh dianggap tidak begitu penting. Oleh itu langkah-langkah pencegahan untuk menjaga keselamatan orang ramai perlu diutamakan. Tiada ada seorang pun boleh memastikan setakat manakah langkah-langkah keselamatan itu adalah benar-benar selamat. Kajian ke atas pembuangan sisa-sisa nuklear dan jarak lingkungan radioaktif ke atas Hiroshima dan Nagasaki masih merupakan satu perkara akademik sahaja. Kita harapkan supaya pakar-pakar dalam hal ini boleh menghasilkan suatu yang konkrit dari segi teori dari penyelidikan mereka. Walau bagaimanapun, sebelum perkara ini boleh dibuktikan, saya berharap supaya isu sisa-sisa nuklear dan pembuangannya dibawa ke peringkat kawalan walaupun tidak dihentikan sama sekali. Dalam pada itu sesungguhnya didapati bahawa kebimbangan itu mungkin tidak berasas, maka pihak Kerajaan serta ahli-ahli politik harus berusaha dengan lebih giat dan mencari satu penyelesaian kepada masalah-masalah lain yang telah menimbulkan kebimbangan itu.

Kita semua adalah Wakil-wakil Rakyat yang telah dipilih mengikut sistem demokrasi. Sungguhpun dikatakan bahawa Kerajaan mesti selalu bersikap tegas, ataupun ketegasan ini perlu diselaraskan dengan prinsip demokrasi dan bahawa kita mewakili rakyat, maka kepentingan mereka inilah yang patut kita tegak dan utamakan. Di sini kita tidak boleh menafikan bahawa sikap kebimbangan rakyat adalah salah satu jenis kepentingan mereka terhadap kesihatan dan keselamatan. Tugas kita ialah memuaskan kepentingan rakyat di sana dan juga meredakan kebimbangan mereka terlebih dahulu sebelum kita boleh menumpukan

perhatian kita terhadap isu mengenai perletakan dan pembuangan sisa-sisa nuklear. Dengan ini biar kita teruskan dengan secara lojik dan menunjukkan kepada orang-orang kita bahawa keselamatan dan kesihatan mereka juga kita ambil berat dan kita tidak berhasrat untuk menggadaikan nyawa mereka semata-mata untuk mendapatkan satu atau dua ringgit. Kita mesti ingat bahawa kecacatan 'thalidomide' yang terjadi di Germany berlaku akibat daripada pengambilan pil-pil yang dianggap selamat. Begitu juga dengan mangsa-mangsa agen orange yang kini sedang menuduh Kerajaan Amerika Syarikat, akibat daripada mendedahkan mereka kepada bahan kimia yang dikatakan 'selamat' di Vietnam.

Apa pula dengan kes Papan di mana masing-masing mempunyai pendapat-pendapat yang berbeza-bahagi terhadap keselamatan sampah sarap sedemikian. Adakah kita akan mengancam nyawa-nyawa rakyat. Apakah akan pula terjadi sekiranya tindakan pembuangan sisa-sisa nuklear dibuktikan salah. Apakah pula langkah-langkah lain yang patut kita lakukan supaya keadaan itu boleh diperbaiki. Tanggungjawab pihak Kerajaan ke atas rakyat adalah sangat mustahak. Dengan itu tugas kita ialah supaya membuat keputusan yang berhati-hati tanpa menjejaskan kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini sekarang sedang menuju ke arah industri-industri berat daripada industri-industri pengguna. Sebenarnya, kita telah membelanjakan banyak modal dalam industri-industri berat. Tidak syak lagi industri-industri yang memakan modal telah memburukkan keadaan ekonomi kita. Meskipun ia mesti dikatakan pihak Kerajaan menjangka bahawa apabila industri-industri berat ini beroperasi, dia akan meningkatkan taraf hidup rakyat kerana dengan

spilled off daripada industri-industri berat sebegini ke dalam industri-industri mendorong yang ditubuhkan untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dilupakan bahawa dunia khususnya negara-negara pembangunan dan setengah negara yang mempunyai tahap ekonomi yang serupa dengan kita telah pun berkecimpung dalam jenerasi industri yang akan datang iaitu industri-industri teknologi tinggi. Adalah tidak perlu bagi negara kita meneruskan langkah demi langkah pengenalan dalam industri-industri teknologi tinggi. Kita harus memperuntukkan wang yang cukup untuk melancarkan program latihan yang intensif bagi mengeluarkan Jurutera-jurutera dan juruteknik-juruteknik yang mahir dalam computer untuk membantu dalam reka bentuk dan perkilangan. Jumlah wang bagi latihan adalah kecil. Singapura telah memperuntukkan \$39 juta. Jika berjaya industri-industri akan ditingkatkan mutu dan banyak kilang-kilang boleh diusahakan oleh robot dan jentera-jentera dengan penyeliaannya yang minima oleh orang-orang yang mahir ini. Sekarang kita harus melabur dalam kualiti orang dan bukan kuantiti orang.

Di sebaliknya, industri-industri kita mesti bersedia untuk menerima cabaran menyesuaikan diri kepada teknologi tinggi supaya mereka dapat bersaing dengan yang paling bagus di dunia dalam pengeluaran barangan-barangan yang bermutu tinggi dengan harganya yang kompetatif.

Pihak Kerajaan boleh selanjutnya menolong dengan bertambahnya insentif-insentif bagi mereka yang melabur dalam robot untuk industri-industri mereka. Dengan cara ini industri-industri kita mungkin akan meningkat dalam pengeluaran barangan-barang pengguna kepada kejenteraan

precision. Kita tidak akan bersaing dengan negara-negara yang mengeluarkan tekstil dan barang-barang pengguna lain yang mana negara-negara seperti Hong Kong dan Taiwan adalah lebih sesuai kerana sumber-sumber manusia dan jentera maju mereka.

Kita juga tidak perlu bersaing dengan negara-negara seperti Korea dan India kerana mereka telah pun mempunyai rangkaian yang extensive, industri-industri pendorong untuk membantu pengeluaran mereka dalam kereta motor, sponge iron, steel billets dan methanol dan sebagainya.

Kita boleh berkecimpung terus dalam teknologi tinggi dan dunia sebelah sini kita hanya hendak bersaing dengan Singapura yang mana mereka telah melancarkan satu rancangan 10 tahun untuk meningkatkan industri-industri mereka kepada teknologi tinggi.

Paling baik kita tidak payah khuatir tentang menambah kependudukan kita kepada industri-industri kita mempunyai faedah sekil ekonomi kerana jentera-jentera high precision dan robot-robot industri adalah lebih mudah dieksport dengan persaingan yang kurang.

Pada akhirnya orang-orang Malaysia puratanya akan lebih berkelayakan dan lebih baik ekonominya. Saya berharap bahawa ada suatu cadangan dalam rancangan industri yang dibentangkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Anggaran Belanjawan 1985.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.27 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Mat Piah (Padang Rengas):** Bismilla-hir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya maka saya dapat bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Anggaran Belanjawan 1985 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 19hb Oktober yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan selanjutnya, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi pengharapan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan-kakitangan di Kementeriannya serta kepada semua pihak yang menjayakan penyusunan Anggaran Belanjawan 1985 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berasa kesal mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bertindak selaku Ketua Pembangkang dalam membahaskan Anggaran Belanjawan 1985 di Dewan yang mulia ini pada petang semalam. Walaupun banyak butiran permata terkandung di dalamnya tetapi serpihan-serpihan batu juga yang dicari. Kalau tidak salah pendengaran saya hampir seluruh ucapannya selama masa lebih kurang satu setengah jam, penuh dengan kecaman dan cemuhan terhadap Kerajaan semata-mata, bermula daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet sehinggalah kepada Pegawai-pegawai dan Kakitangan-kakitangan Kerajaan menjadi sasaran. Jika dikaji dari cemuhan dan kecaman itu seolah-olah tindakan Kerajaan selama ini tidak ada satu pun yang baik, yang positif, yang membina, yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara seluruhnya.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya sedar tidak semua apa yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan tidak ada yang buruk ataupun tidak ada yang tidak baik kerana setiap manusia tidak sunyi daripada kesilapan, kelemahan dan sebagainya. Tetapi sikap suka melihat dan mencari nilai-nilai negatif semata-mata tanpa melihat nilai-nilai yang positif bukanlah mencerminkan sikap pembangkang yang sihat, jujur dan bertanggungjawab, bak kata pepatah Melayu "Anjing itu kalau sudah biasa makan tahi, kalau tidak makan dihidu juga".

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rakyat suka kesilapan Kerajaan patut ditegur, tetapi kebaikan dan kebenarannya adalah wajar diakui. Sikap tahu menegur perkara-perkara yang salah semata-mata dengan membelakangkan perkara-perkara yang baik dan membina adalah menunjukkan suatu kelemahan dan kurangnya kemantapan serta kedewasaan politik diri sendiri. Keadaan ini bukan sahaja akan mencemarkan nama baik barisan pembangkang malah akan diketawakan oleh setiap individu yang berfikiran waras dan bersikap jujur. Sikap suka memandang keburukan orang lain semata-mata dengan mengeneipkan segala kebaikan yang dilakukan adalah merupakan suatu keangkuhan, kebongkakan dan kesombongan diri sendiri, seolah-olah di dunia ini mereka sahajalah yang baik, mereka sahajalah yang jujur, mereka sahajalah yang bertanggungjawab, mereka sahajalah yang berwibawa dan seolah-olah mereka tidak pernah melakukan sedikit pun kesalahan atau kesilapan selama hidup di mayapada ini. Jika dilihat dari kacamata Islam, sesiapa yang angkuh, sombong dan bongkak jelaslah mereka itu terdiri daripada

manusia-manusia yang lemah peribadinya dan mampu menjadi kuda tunggangan iblis dan syaitan.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat pada jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan bagi tahun 1985, sebanyak \$29,191 juta dengan mengandungi \$21,538 juta atau 74% untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$7,623 juta atau 26% untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Setelah saya mengkaji dengan penuh teliti akan maksud dan falsafah yang terkandung di dalam Anggaran Belanjawan 1985 ini dengan mengambil kira segala masalah yang dialami oleh Kerajaan dan negara, di samping melihat iklim ekonomi dunia hari ini, saya berpendapat pada umumnya Belanjawan 1985 ini merupakan suatu belanjawan yang sederhana, adil dan membina. Pandangan saya ini bukanlah dipengaruhi oleh kedudukan saya sebagai penyokong Kerajaan semata-mata, tetapi berasaskan fikiran yang rasional dan sikap yang tulus ikhlas serta bertanggungjawab kepada rakyat dan negara bukan dengan sentimen yang melulu atau sikap membabi buta.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Anggaran Belanjawan 1985 ini suatu yang sederhana kerana kesederhanaan dapat dilihat dari berbagai-bagai sudut. Misalnya, kita dapati maklumat-maklumat di dalam Anggaran Belanjawan ini di antaranya:

"Walaupun keadaan ekonomi dunia sudah bertambah baik dan kukuh seperti yang diramalkan, keluaran negara kasar sebenar dan negara perindustrian bertambah lebih 4%, suatu pertambahan lebih tinggi daripada yang diramalkan dahulu dan keadaan inflasi didapati bertambah baik dijangka berada pada paras 5% bagi tahun 1984; dan

Walaupun dijangka pertumbuhan sebenar ekonomi negara pada kadar 6.9% bagi tahun 1984 berbanding dengan 5.9% pada tahun 1983; dan

Walaupun kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bertambah baik di mana akaun semasa Kerajaan Persekutuan dianggarkan mendapat lebihan sebanyak \$449 juta berbanding dengan \$234 juta pada tahun 1983; dan

Walaupun kekurangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan akan mencapai paras yang lebih rendah iaitu sebanyak \$8,447 juta berbanding dengan \$9,180 juta dalam tahun 1983;

Walaupun akaun semasa akan mencatat kekurangan sebanyak \$5.2000 juta jauh lebih rendah daripada kekurangan sebanyak \$8.1000 juta yang dialami dalam tahun 1982.

Walaupun kekurangan Belanjawan Kerajaan Persekutuan sebenar sebagai daripada keluaran negara kasar iaitu 20.3% dijangka akan dapat dikurangkan kepada 11.9% pada tahun 1984.

Walaupun kawalan perbelanjaan yang dilaksanakan telah membawa kesan yang berfaedah kepada imbangan pembayaran dalam tahun 1982, kekurangan akaun semasa, imbangan pembayaran merupakan 13.9% daripada keluaran negara kasar dan nisbah ini turun kepada 7.3% pada tahun 1984.

Walaupun ekonomi negara sekarang dijangka mencapai pertumbuhan sebanyak 6.7% inflasi dapat distabilkan pada paras 5%, imbangan pembayaran negara juga dijangka bertambah baik dengan akaun semasa

mencapai kurangan yang lebih rendah dari tahun 1984 iaitu sebanyak \$4.9000 juta dan simpanan luar negara dijangka bertambah dan mencukupi untuk membiayai 3.6 bulan import.

Walaupun kewangan sektor awam pada keseluruhannya dijangka bertambah baik, manakala kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka akan mencapai lebihan dalam akaun semasa sebanyak \$329 juta selepas mengambil kira perubahan-perubahan cukai."

Namun demikian, setelah melihatkan amalan-amalan Kerajaan selama 2 tahun ini dan semangat daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam membentangkan Anggaran Perbelanjaan Kerajaan, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak bersikap boros, sebaliknya Kerajaan tetap meneruskan dasar berjimat-cermat yang dimulakan pada pertengahan tahun 1982 bagi mengawal dengan ketatnya segala perbelanjaan negara. Ini terbukti dengan pengurangan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak \$520 juta kepada \$8,890 juta bagi tahun 1984 dan pertambahan yang kecil dalam Perbelanjaan Pembangunan dan Mengurus dalam tahun 1985 iaitu kadar 5% untuk pembangunan dan 13% untuk Mengurus jika dibanding dengan tahun 1984.

Sikap kesederhanaan ini patutlah dijadikan amalan yang berterusan dalam pengendalian dan pengurusan perbelanjaan negara, sama ada Kerajaan-kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Bukanlah sikap ini kerana didesak oleh sesuatu keadaan kerana sifat kesederhanaan ini adalah selaras dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran. Dalam hubungan ini, Nabi Besar Muhammad s.a.w. pernah

bersabda, dengan maksud: "Sebaik-baik perbuatan itu adalah sederhana". Oleh sebab itu, sekali lagi saya menyeru supaya amalan sikap sederhana yang sudah dimulakan oleh Kerajaan ini akan dijadikan amalan terus-menerus, bukan sahaja di sektor awam tetapi juga kalau boleh kita memberi galakan kepada semua sektor swasta ataupun agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Belanjawan 1985 ini adil, tidak seperti apa yang dikatakan oleh Pembangkang, satu anggaran yang zalim. Keadilan ini dapat dilihat daripada beberapa aspek, contohnya, walaupun Kerajaan menaikkan duti import ke atas kereta-kereta yang belum siap dipasang dari 30% kepada 40%, duti import ke atas kereta-kereta yang siap dipasang dan duti eksais ke atas kereta-kereta yang dipasang di negara ini yang bernilai lebih daripada \$13,000 tetapi tujuannya adalah jelas iaitu untuk memberi perlindungan kepada Projek Kereta Nasional atau Proton Saga yang dijangka memulakan pengeluarannya pada tahun 1985. Ini adalah suatu tindakan yang adil memandangkan perusahaan kereta nasional itu suatu perusahaan yang baru bermula bagi negara kita. Oleh sebab itu, ianya perlu dengan kuasa undang-undang atau dengan apa cara sekalipun Kerajaan memberikan perlindungan kepada perusahaan yang baru itu supaya ianya dapat bertumbuh, dapat menjalankan operasinya bagi mencapai objektif-objektif sepertimana yang dirancangan.

Yang kedua, walaupun Kerajaan mengenakan duti import ke atas tayar motokar, lori dan bas, juga tujuannya adalah jelas untuk memberi perlindungan kepada industri tayar di negara ini. Bukankah ini suatu keadilan? Mungkin jika Kerajaan tidak berbuat demikian, DAP

menerusi lidah Ketua Pembangkangnya dengan lantang akan menuduh Kerajaan zalim atau tidak bersikap adil kepada pihak industri tayar di negara ini dan berbagai-bagai cemuhan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pegawai-pegawai Kerajaan tidak akan membuang masa untuk mendengar semua pandangan-pandangan pihak Pembangkang yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab kerana apa yang dibuat oleh Kerajaan semuanya tak betul, kita buat salah, tak buat salah. Saya teringat satu nyanyian P. Ramlee: "dibuat salah, tak buat salah, jadi semua serba salah".

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:**  
Peminat juga, Yang Berhormat!

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**  
Sedikit-sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak DAP sebagaimana saya katakan bukanlah sepertimana Pembangkang yang diharap-harapkan di dalam suatu pemerintahan demokrasi berparlimen di mana peranan Pembangkang mestilah menunjukkan kejujuran dan keikhlasan. Setiap perkara yang baik perlu dan wajar diakui dan mana yang tak baik, wajarlah ditegur, tetapi Ketua Pembangkang di Dewan ini, baik tak baik, semua dia hentam; buat salah, tak buat salah. Kita tidak tahu bagaimana cara kita hendak membangun negara kalau kita tidak meminta jasa baik dan sumbangan daripada rakyat menerusi cukai-cukai yang dikenakan. Entahlah kalau Kerajaan DAP memerintah, dia tidak payah kenakan cukai, wang akan turun dari langit serupa hujan turun, itu saya tak tahu, atau dia ada tongkat Nabi Musa, dia hendak buat elektrik, jadi elektrik; hendak buat empangan air, jadi empangan. Tetapi dengan konsep yang ada ini mereka juga terpaksa berbuat demikian. Oleh sebab iri hati dengan kejayaan Kerajaan, yang baikpun dia kata tak

baik. Orang-orang yang seperti inilah yang dinyanyikan oleh Allahyaram P. Ramlee: "buat salah, tak buat salah, jadi semua serba salah".

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Anggaran Belanjawan 1985 ini adalah membina, contohnya banyak dapat dilihat dari anggaran ini. Di antaranya, Kerajaan mencadangkan untuk mengecualikan daripada cukai pendapatan kepada sesiapa sahaja yang menderma kepada Kerajaan bagi maksud kebersihan dan pengindahan alam sekitar. Langkah ini amat membina, iaitu Kerajaan dapat mendorong orang ramai supaya bersedia untuk berbakti kepada negara ataupun kepada tempatan sendiri bagi kepentingan umum. Mereka yang berada dan bernasib baik boleh menyumbangkan wang dan mereka yang kurang berada, yang kurang bernasib baik boleh menyumbangkan pula tenaga. Hidup bantu-membantu antara satu sama lain ini juga adalah nilai-nilai yang baik. Oleh sebab itu, memanglah wajar Kerajaan mengecualikan cukai pendapatan kepada mereka yang bersedia untuk menyumbangkan khidmat bakti kepada negara. Ini adalah suatu yang membina.

Yang kedua, Kerajaan akan menaikkan pengecualian cukai untuk royalti dari hasil karya dan seni dari \$3,000 kepada \$6,000. Langkah ini juga merupakan suatu galakan yang berfaedah dalam konteks memperkayakan hasil karya seni di negara ini. Kita berharap peluang ini akan dapat menjadi tenaga pendorong kepada pencipta-pencipta hasil karya seni negara sebagai suatu sumbangan ke arah kesejahteraan rakyat dan negara seluruhnya. Walaupun jika dipandang atau dinilai dari segi material, pertambahan daripada \$3,000 kepada \$6,000 bukanlah suatu pertambahan yang besar, tetapi yang penting ianya adalah merupakan suatu penghormatan negara dan

penghargaan rakyat kepada masyarakat pencipta hasil karya seni di negara ini. Penghormatan dan penghargaan ini lebih tinggi nilai dan mutunya. Mungkin tidak ada nilainya bagi mengukur tentang penghormatan yang diperolehi oleh seseorang itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kerajaan juga mencadangkan supaya bas berhentihenti dan bas sekolah milik syarikat dikecualikan daripada bayaran duti eksais. Ini juga suatu langkah yang membina supaya industri bas dapat berkembang dengan baik untuk membantu keperluan pengangkutan awam terutama di kalangan orang-orang yang hidup serba kekurangan di kawasan-kawasan bandar atau luar bandar. Tetapi saya merasa hairan mengapa dan kenapa pengecualian ini terhad kepada bas milik syarikat sahaja tanpa diluaskan kepada bas-bas milik sendiri terutama bas-bas sekolah yang telah banyak menyumbangkan khidmatnya bagi membantu masalah pengangkutan yang rumit di kalangan murid-murid sekolah di negara ini. Saya berharap pihak Kerajaan akan dapat menimbang semula masalah ini supaya bas-bas milik sendiri juga dapat dikecualikan daripada cukai eksais.

Dalam hubungan ini mungkin Kerajaan berpendapat langkah tidak mengecualikan bas-bas persendirian daripada duti eksais ialah bertujuan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha bas persendirian menubuhkan syarikat-syarikat supaya mendapat pengecualian itu. Tetapi kita patut sedar kebanyakan pengusaha-pengusaha bas persendirian ini terutama bas sekolah hanya beroperasi di dalam satu kawasan yang terhad dengan bilangan pelanggan-pelanggan yang kecil. Keadaan ini tentulah tidak munasabah kalau Kerajaan menharapkan mereka ini dapat menubuhkan syarikat kerana

itu tidak ekonomik. Dalam satu kawasan yang terhad, jalan-jalan yang terhad, dan sebuah bas disuruh tubuh syarikat. Ini tidak lojik. Apa yang lojik pada pandangan saya diberi pengecualian cukai eksais yang sama seperti yang diberi kepada syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi Belanjawan negara 1985 ialah untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta. Justera itu berbagai-bagai pengecualian cukai dan kadar kenaikan cukai telah dibuat. Ini adalah suatu tindakan yang dialu-alukan kerana negara tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada eksport bahan-bahan mentah sahaja. Kita perlu berikhtiar mengeluarkan barang-barang buatan yang diproses dari bahan-bahan tempatan. Perubahan struktur ekonomi seperti ini sudah tentu akan dapat memberi sebanyak-banyak manfaat kepada rakyat seperti mendapat peluang pekerjaan yang lebih banyak serta dapat meningkatkan mutu hidup golongan rakyat yang miskin yang berada di sektor pertanian yang menjadi sasaran utama kepada Dasar Ekonomi Baru negara.

Namun demikian, saya berharap pihak Kerajaan perlu mengawal dari segi taburan projek yang bakal dilaksanakan oleh mana-mana swasta supaya keadaannya menyeluruh dan tidak hanya berpusat di pusat-pusat bandar sahaja. Ianya perlu dibawa ke kawasan-kawasan luar bandar seberapa yang boleh. Untuk menarik minat para pelabur ke kawasan-kawasan luar bandar, Kerajaan perlu mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi seperti jalan-jalan yang selesa, bekalan air yang bersih, bekalan api dan sebagainya. Jika kemudahan asas ini diabaikan, harapan untuk membawa projek-projek pembangunan industri kecil sekurang-kurangnya ke kawasan luar bandar sudah pasti hanya tinggal di dalam impian sahaja.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya peruntukkan sebanyak \$193 juta bagi jalan luar bandar dan kampung patut ditambah lagi. Mungkin Yang Berhormat Menteri bertanya berapa hendak tambah. Jawabnya terpulanglah kepada budi bicara Yang Berhormat Menteri sendiri kerana selain daripada Menteri, beliau juga adalah Wakil Rakyat yang tahu masalah rakyat di kampung-kampung. Demikian juga peruntukan sebanyak \$76 juta bagi bekalan air juga patut ditambah dan seterusnya peruntukan sebanyak \$71 juta bagi bekalan api di luar bandar juga patut ditambah.

Di dalam Anggaran Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari Jumaat yang lepas terdapat satu saranan beliau yang mengatakan bahawa kebanyakan perkhidmatan yang diberikan oleh Agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini boleh digalakkan dan dikembangkan melalui dasar penswastaan. Ini adalah satu tindakan yang positif lagi membina. Jika saranan ini dapat diterjemahkan menjadi kenyataan, saya percaya beban Kerajaan akan bertambah ringan dan peruntukan yang diperuntukkan kepada agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini bolehlah di serapkan kepada menambah peruntukan pembangunan keperluan asas di kawasan luar bandar seperti yang saya sarankan tadi.

Di samping itu, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya akan kempen penggunaan barang-barang pengeluaran tempatan. Ini adalah suatu idea yang baik supaya semangat kekitaan yang berteraskan semangat nasionalis, semangat kebangsaan ini perlu dipupuk ke dalam hati sanubari rakyat sama ada di peringkat kanak-kanak, dewasa atau orang tua-tua. Di sinilah letaknya identiti bangsa kita sebagai satu bangsa yang bertamadun

kita bukan sahaja mampu hidup tetapi kita bersedia untuk melengkapkan diri seperti mana manusia-manusia maju di dunia mengadakan berbagai-bagai keperluan hidup harian atau persendirian.

Memang boleh menjejaskan maruah kita sebagai satu bangsa yang berdaulat kalau selama-selamanya kita mengagung-agungkan buatan orang sedangkan kita tidak mampu menghasilkan barang sendiri. Sikap mendewa-dewakan, mengagung-agungkan barang-barang buatan asing atau datang daripada luar negeri ini perlu dikikis sedikit demi sedikit dalam hati sanubari kita terutama sekali kita Wakil-wakil rakyat, Menteri-menteri, pegawai-pegawai Kerajaan sebagai model masyarakat sesuai dengan Dasar Kepimpinan Melalui Teladan, marilah sama-sama kita membantu menjayakan kempen ini.

Mudah-mudahkan hasil dari kesedaran ini akan dapat mempertingkatkan lagi pertumbuhan industri tempatan yang akan mengeluarkan hasil-hasil barangan untuk dieksport keluar negeri. Inilah harapan, inilah teladan yang perlu ditunjuk sebagai pesaka zaman kepada generasi kita yang akan datang sebagai bangsa yang bertamadun, bangsa yang mampu mengagung-agungkan semangat kekitaan, bukan bangsa yang hanya sentiasa mendewa-dewakan kebolehan orang lain. Kita mesti berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan negara-negara maju tetapi sementara kita mendapatkan pengetahuan dan pengalaman tidak salah kita tunduk dan hormat tetapi bukan selama-lamanya sebab itu saya sokong memandang pertumbuhan industri di negara kita ini sudah bermula menghasilkan barang-barang tempatan maka kempen penggunaan barang-barang tempatan ini perlu disokong oleh seluruh rakyat di negara

ini termasuk DAP—ada seorang wakilnya dalam Dewan sekarang—bukan sahaja Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak dakwaan Ketua Pembangkang, sekarang wakilnya ada di dalam Dewan, tadi saya menengoh kebelakang tidak ada seorang pun, beliau mengatakan Belanjawan ini hanya untuk kepentingan orang-orang kaya sahaja dengan tidak menghiraukan rayuan orang-orang miskin. Ahli dari Kota Melaka telah memperkuatkan hujahnya dengan mengambil beberapa contoh umpamanya cukai jalan bagi motosikal. Pandangannya adalah terlalu umum pada hal jika dilihat di dalam anggaran belanjawan ini tidak semua motosikal yang dinaikkan cukainya. Misalnya motosikal di bawah 100 c.c. tidak ada apa-apa kenaikan entahlah kalau saya silap atau salah yang 100 c.c. ke atas dinaikkan tetapi disebut cukai motosikal. Perkara yang pertama diucapnya ialah cukai motosikal. Waktu itu saya ada di dalam Dewan, itulah, walaupun di dalam anggaran belanjawan ini seperti saya katakan tadi ada permata-permata yang baik tetapi serpihan batu juga yang dipungut oleh Ketua Pembangkang. Tetapi oleh sebab tujuan ucapannya untuk mengelirukan, beliau menyebut cukai jalan untuk motosikal sahaja tanpa menyatakan kategorinya seperti yang ternyata dalam anggaran belanjawan itu.

Yang kedua hujahnya lagi perbezaan tentang pengurangan cukai pendapatan, katanya golongan yang berpendapatan rendah hanya kurang 1% iaitu 6% kepada 5% dan 9% kepada 8% sedangkan golongan yang berpendapatan tinggi dikurangkan sebanyak 15% iaitu dari 55% kepada 40%. Dengan yang demikian jelas katanya anggaran belanjawan berfaedah kepada orang-orang kaya

sahaja. Dakwaan ini juga sukar diterima kerana golongan yang berpendapatan tinggi itu adalah terlalu kecil bilangannya jika dibandingkan dengan jumlah pembayar-pembayar cukai di seluruh negara. Golongan ini hanya lebih kurang 5,000 orang daripada 500,000 pembayar-pembayar cukai di negara ini, kira-kira 0.0001% tidak sampai 1%, itulah yang dibesar-besarkan dan diheboh-hebuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya menerusi falsafah dan matlamat yang terkandung dalam Belanjawan ini sebagaimana yang saya katakan tadi salah satu daripadanya ialah untuk menggalakkan pertumbuhan swasta. Apakah tujuan menggalakkan pertumbuhan swasta; jawabnya terlalu mudah, dengan tumbuhnya swasta ini sudah pasti akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara, dengan kukuhan ekonomi negara, sudah tentu akan memberikan kedudukan kewangan yang kukuh pula kepada Kerajaan, dengan kukuhan kewangan Kerajaan sudah tentu akan membolehkan Kerajaan membangunkan negara, mengadakan berbagai-bagai kemudahan kepada rakyat dan negara seluruhnya.

Sebagaimana yang saya katakan tadi oleh sebab duit kita tidak cukup itulah peruntukan di luar bandar hanyalah sebagaimana yang saya sebutkan tadi \$193 juta untuk jalan, \$76 juta untuk bekalan air, \$71 juta untuk bekalan api tetapi kalau duit kita banyak tentulah peruntukan ini bertambah besar, dengan peruntukan yang bertambah besar kalau jalan di kampung yang dahulunya selut tidak ada tar, ditarkan dan dahulu rakyat meminum air yang keruh, air-air yang kotor, air-air yang penuh dengan kuman, yang boleh menjejaskan kesihatan tetapi dengan wang yang banyak kita akan dapat mengadakan bekalan-bekalan air yang bersih yang boleh membantu memperbaiki

keadaan kesihatan dan fizikal rakyat-rakyat yang miskin di kawasan luar bandar. Dengan adanya bekalan api akan membawa suatu harapan hidup yang baru, zaman baru kepada penduduk-penduduk di luar bandar kerana sebagaimana saya katakan tadi dengan adanya kemudahan asas, bekalan air, jalan dan api yang baik Kerajaan boleh membawa industri dibangunkan di kawasan-kawasan luar bandar dan dengan yang demikian peluang pekerjaan akan terbuka, mutu hidup rakyat miskin dapat dipertingkatkan. Ini yang terkandung dalam falsafah anggaran belanjawan 1985 ini tetapi DAP kutip serpihan-serpihan batu, dia meraba mencari-cari hingga sampai ke Amerika, sampai ke Sabah, sampai ke Sarawak dan mencari-cari isu yang lain kemudian timbullah BMF, timbullah PETRONAS, timbullah Harris Salleh, macam-macam saya dengar.

Sebenarnya ini menunjukkan politik yang bankrap, DAP sudah bankrap politik, dia tidak ada bahan, dan meraba-raba dalam gelap, yang terang, yang putih dia kata hitam, yang terang dikata gelap seolah-olah anggaran ini membawa satu awan mendung yang penuh dengan penderitaan yang akan memusnahkan negara dan akan menderitakan rakyat di negara ini.

Itulah yang diucapkan, kita belum mendengar lagi wakil dari Kepong, kita akan dengar apa dia kata. Mungkin nadanya berlainan, selalu pun dia berlainan sedikit. Ini saya sebutkan Ketua Pembangkang tetapi kerana dia Ketua Pembangkang mewakili DAP, saya kata DAP (*Tuan Lee Lam Thye masuk dalam Dewan*), ini seorang lagi Ahli DAP, beliau saya hormati kerana kawan saya.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Apa ada sangat-paut dengan Budget, Yang Berhormat? (*Ketawa*).

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Minta maaf, Tuan Speaker. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya dengan sukacitanya menyokong dengan sepenuhnya Anggaran Belanjawan 1985 ini. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.10 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru dan pegawai-pegawainya di Kementerian Kewangan yang telah menyediakan Belanjawan negara yang sederhana dan tidak membebankan rakyat secara keseluruhannya, terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, pada awalnya sebelum Belanjawan tersebut itu dibentangkan, ramai orang telah menjangka dengan keadaan ekonomi dunia yang agak meleset, Belanjawan negara kita pada tahun ini akan juga membebankan rakyat sejagat dengan kenaikan cukai untuk menampung perbelanjaan Kerajaan. Tetapi alhamdulillah, apa yang dijangkakan itu tidak betul, malah suasana Belanjawan adalah berpatutan dan merupakan satu tindakan yang liberal dan memuaskan bagi semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya hidup dalam tiga zaman pemerintahan. Pertama di waktu penjajahan Inggeris dan selepas itu di waktu pemerintahan Jepun. Di waktu (*Jepun*) itu tak boleh bercakap apa, jangankan nak kata pembangunan, sekolah pun satu jenis sahaja iaitu sekolah Jepun sahaja.

Zaman yang ketiga di zaman merdeka, di mana kita tak boleh nafi di bandar dan di luar bandar tersergam dengan bangunan-bangunan, sekolah-sekolah, asrama, pejabat-pejabat, jalan-jalan raya dan lain-lain kemudahan untuk rakyat, bak kata kalaulah penjajah yang dahulu datang ke mari, mereka akan terkejut dan kagum dengan pembangunan yang kita buat untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu, saya masih juga sedih dengan ketiadaan kemudahan air paip dan bekalan letrik di kawasan luar bandar. Mereka sudah lama minum air perigi dan memakai lampu minyak. Mereka ingin juga hendak rasa air dalam besi, api dalam kaca. Dengan itu saya pohon jasa baik Kerajaan supaya mempercepatkan lagi mengadakan bekalan air dan api letrik di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita yang telah menikmati kemudahan ini tidak rasa apa-apa, tetapi bagi mereka, 27 tahun telah merdeka, agaknya satu masa yang lama. Sungguhpun mereka menikmati kemudahan lain seperti sekolah, taliair dan juga bendang untuk buat dua kali setahun, buku teks bagi anak-anak mereka dan lain-lain bantuan seperti subsidi. Jadi saya harap sangat supaya kemudahan asas diberikan kepada orang-orang yang miskin di luar bandar kerana peruntukan luar bandar tadi, saya rasa sedikit sangat, patutlah ditambah lagi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita mangalu-alukan kebijaksanaan pihak Kerajaan menyediakan Belanjawan negara 1985, saya juga ingin mengemukakan beberapa perkara dan beberapa pendapat untuk tinjauan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Belanjawan tahun ini telah menumpukan perhatian kepada

perubahan cukai dan peruntukan Belanjawan Kerajaan dan saya juga sedar bahawa matlamat Kerajaan adalah untuk memperbaiki kedudukan kewangan negara dengan imbangan pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang masalah pembekuan jawatan-jawatan di dalam sektor awam. Memandangkan graduan-graduan dan lepasan-lepasan institusi pengajian tinggi dan maktab-maktab meningkat tiap tahun, sudah tentulah mereka ini memerlukan pekerjaan. Jika pembekuan itu berterusan, maka ramailah di antara mereka itu akan menganggur. Oleh yang demikian akan menjadi satu tanda tanya sama ada langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meneruskan pembekuan yang saya maksudkan di sini adalah satu langkah yang wajar. Pada pendapat saya keadaan yang sedemikian akan menimbulkan perasaan hampa dan putus asa di kalangan mereka ini dan saya bimbang dengan keadaan ini akan mendorong mereka itu ke arah aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Saya juga percaya golongan ini mudah dipengaruhi oleh pihak-pihak tertentu yang suka "menanggung di air keruh".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan pembekuan ke atas jawatan-jawatan di sektor awam dilonggarkan untuk membolehkan lebih ramai graduan dan lepasan maktab diberi peluang untuk berkhidmat dengan sektor awam.

Yang kedua, selain dari itu, saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menggesa pihak swasta untuk mengambil graduan dan lepasan-lepasan maktab untuk berkhidmat dengan syarikat-syarikat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang kedudukan Hospital Daerah Sungai Petani, Kedah. Saya ingin memaklumkan kepada pihak Kementerian iaitu pihak Kerajaan bahawa dua kawasan Parlimen iaitu kawasan Parlimen Sungai Petani dan kawasan Parlimen Kuala Muda terletak di daerah Kuala Muda. Penduduk di daerah tersebut adalah dianggarkan lebih dari 200,000 orang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bukan sahaja penduduk daerah Kuala Muda sahaja yang menggunakan Hospital Daerah Sungai Petani itu, bahkan daerah-daerah yang berhampiran seperti Baling, Yan, Sik dan Kulim juga menggunakan Hospital Daerah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan penambahan bangunan 4 tingkat telah siap. Sungguhpun begitu alat-alat kelengkapan seperti katil, perabot masih tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hospital ini terletak di bahagian tengah negeri Kedah, jadi saya berharap pihak Kerajaan akan memberikan keutamaan untuk memperbaiki lagi hospital daerah ini dengan melengkapkan unit ICU (Intensive Care Unit) dan juga untuk mengadakan unit CCU (Coronary Care Unit).

Saya juga berharap pihak Kerajaan akan menghantar pakar-pakar ke hospital daerah tersebut untuk mengendalikan unit-unit tersebut kerana tanpa pakar-pakar, saya percaya kelengkapan yang telah disediakan tidak bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan Hospital Daerah Sungai Petani kekurangan pakar-pakar

perbidanan dan Unit X-ray di tempat yang sama dan juga unit itu kerap kali mengalami kerosakan. Saya berharap kepada Kementerian Kesihatan agar memberi Unit X-ray yang baru di hospital itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki dan memperluaskan lagi perkhidmatan pakar di hospital daerah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menghadapi masalah yang sama dengan saya iaitu masalah setinggan. Pada pendapat saya masalah ini tidak boleh dipandang ringan dan tidak boleh dibiarkan berterusan.

Saya yakin tidak seorang pun di atas dunia ini ingin hidup miskin. Kebanyakan setinggan adalah dari golongan yang berpendapatan rendah. Hidup mereka bak kata pepatah "Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang".

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali juga golongan ini mempunyai anak yang ramai. Memandangkan polisi Kerajaan adalah untuk mencapai penduduk seramai 70 juta di dalam masa 115 tahun, saya berharap anak-anak golongan berpendapatan rendah ini diberi peluang untuk bersekolah dan diberi bantuan persekolahan dengan mencukupi untuk menjamin supaya anak-anak golongan ini tidak akan menerima nasib yang sama seperti ibu bapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan bantuan yang mencukupi, masa hadapan anak-anak ini akan lebih cerah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengesyorkan satu polisi diadakan untuk menjaga kepentingan mereka. Satu badan atau

jawatankuasa ditubuhkan untuk mengelola dan menjalankan polisi tersebut. Dan keutamaan diberi kepada anak-anak setinggan untuk mendapat bantuan persekolahan dan tempat penginapan di sekolah-sekolah berasrama.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa ada juga orang-orang yang bertopeng setinggan. Kebanyakan dari orang-orang ini merupakan oportunist. Orang-orang oportunist ini, saya kata, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini ingin mengambil kesempatan terutama sekali untuk mendapat pampasan sekiranya rumah yang telah didirikan diroboh.

Tuan Yang di-Pertua, jadi untuk menyekat golongan ini, saya ingin mengesyorkan pihak-pihak yang berkenaan membuat banciaan dengan lebih teliti untuk mengasingkan orang-orang yang benar-benar setinggan dan orang-orang yang hanya ingin mengambil kesempatan sahaja. Sekiranya perlu mengadakan undang-undang untuk mengawal golongan yang bertopeng setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menekankan bahawa masalah setinggan tidak boleh dipandang ringan. Memandangkan polisi Kerajaan untuk menambahkan penduduk-penduduk di Malaysia sedangkan dalam 15 juta penduduk pun masalah ini agak ketara, apa pula 70 juta. Sebagai langkah untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah ini, saya mencadangkan lebih banyak rumah-rumah kos rendah diteruskan dan sekiranya boleh, harga diturunkan dari \$25,000 ke \$15,000 atau \$20,000.

Yang kedua, lebih banyak rumah kos rendah dan rumah-rumah pangsa didirikan dan disewakan kepada golongan yang berpendapatan rendah dengan kadar \$50.00, lebih-lebih \$70.00.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, menggesakan pihak Kerajaan Negeri membuka tanah di kawasan-kawasan baru yang berhampiran dengan kawasan setinggian untuk menempatkan setinggian yang tulin dan yang memang mengharapkan tempat kediaman. Dengan cara ini maka akan dapatlah mereka ini menikmati demokrasi politik dan juga demokrasi ekonomi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi Kerajaan terutama sekali FELDA dan FELCRA harus memberi keutamaan menempatkan setinggian-setinggian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kedudukan sektor ekonomi negara, terutama sekali tentang peruntukan sebanyak \$513 juta untuk perdagangan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan agar dapat menggalakkan lagi industri-industri kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Saya juga berharap pihak-pihak bank akan memberi kemudahan-kemudahan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha industri-industri kecil untuk memulakan dan menggerakkan lagi perkembangan industri tersebut sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu langkah untuk mengurangkan imbalan negara, kita harus memperhebatkan lagi usaha-usaha untuk mengeluarkan jenis-jenis barangan yang berorientasikan eksport. Cara ini dapat menambahkan pendapatan pengusaha-pengusaha tempatan, meninggikan taraf hidup mereka dan di samping itu dapat memperbetulkan imbalan negara.

Tuan Yang di-Pertua, jadi selaras dengan matlamat tersebut saya ingin membuat beberapa cadangan:

- (1) Pihak Kerajaan haruslah mengambil langkah untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha untuk mendagangkan kraftangan-kraftangan buatan Malaysia di luar negeri.
- (2) Kita sedar di Malaysia ini terdapat banyak bomoh-bomoh dan dukun. Jadi, dukun-dukun dan bomoh ini menggunakan ramuan-ramuan asli seperti akar-akar kayu dan daun-daun dijadikan ubatan. Tidak dapat dinafikan perubatan tradisional telah mendapat tempat di dalam bidang perubatan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga tuan-tuan pegawai-pegawai Kerajaan dalam biasa menggunakan minyak angin dan memakan makjun. Jadi, dalam Dewan yang mulia ini saya berharap di satu hari nanti, minyak angin dan makjun Malaysia akan mendapat taraf international seperti "ginseng" dari Korea.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini juga saya berharap pihak Kerajaan akan memperhebatkan lagi usaha-usaha untuk menjual minyak angin dan makjun ke luar negeri. Dengan ini, saya lagi sekali menyokong Belanjawan Negara.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Mas Gading.

5.26 ptg.

**Patrick Anak Uren (Mas Gading):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai dalam perbahasan ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober, 1984.

Sebelum saya berucap lebih lanjut, ingin saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan baru di atas perlantikan beliau dan juga di atas ucapan sulung Yang Berhormat itu. Juga, ingin saya ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri yang memimpin Kerajaan yang bersikap berani dalam amalan pendekatan baru yang telah menyebabkan penggerakan serba segi yang meluas sedang dilakukan. Rakyat ini lebih yakin bahawa Kerajaan ini ialah satunya Kerajaan yang bersikap paling aktif. Ucapan Belanjawan dan cadangan yang terkandung di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri telah diterima dengan baik oleh pihak yang mengertinya kecuali dengan beberapa aspek saya juga ingin menyatakan sukacita bahawa di atas cadangan tertentu.

Aspek yang saya maksud ialah ketidakadanya cadangan yang menumpu kepada sedikit tenaga manusia kepada kawasan dan sektor yang lebih memerlukannya. Kalau ada pun, cadangan itu tanpa penekanan. Kawasan-kawasan dan sektor yang belum membangun patut dipandang dengan serius untuk menaikkan keadaan kepada taraf yang tinggi yang boleh dirasai oleh pihak-pihak berkenaan. Adalah benar falsafah Budget "bermulti-displin" tetapi bila tindakan kita bertabur ke sana-sini tanpa tumpuan tertentu terhadap yang tertentu maka kesan pun pada akhirnya tidak ternampak. Dalam suasana ekonomi dunia yang tidak stabil dan ekonomi negara kita sendiri dalam keadaan buruk ekoran ekonomi antarabangsa, yakni perdagangan luar kita dengan negara-negara lain di dunia ini dan juga sebab dengan ketidakjalanan daripada menggerak kesan itu dalam keadaan ekonomi terbuka adalah wajib negara kita berjimat cermat. Mengurangkan perbelanjaan dan sekadar yang boleh

memulihkan ketidakseimbangan penukaran wang antarabangsa.

Pendekatan ini sememangnya akan membawa side effect, menimbulkan salah sangka di kalangan rakyat negara kita sendiri dan dunia luar memandang tindakan kita sebagai isolationism. Pada yang sebenarnya tidak ada negeri di dunia ini yang tidak lebih mementingkan diri sendiri dan kalau Malaysia berbuat demikian seperti cadangan melancarkan "Beli Malaysia" itu pun dibuat dengan berani demi untuk mengukuhkan keadaan ekonomi negara kita sendiri. Yang rumit ialah bahawa negara kita bergantung sangat dalam saat ini kepada negara-negara luar. Bahan-bahan keluaran tempatan perlu dijual ke pasaran antarabangsa. Kita perlukan jentera-jentera berat dan penasihat-penasihat, pakar-pakar perunding dari negara lain demi untuk menggerakkan pembangunan. Semua ini telah mengakibatkan negara kita terpaksa bayar balik lebih banyak ke negara-negara luar. Fahaman saya itulah sebab dasar Pandang ke Timur telah diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Pandang Ke Timur telah pun berjalan beberapa tahun. Berkenaan dengan itu kita boleh lihat sekarang saudara-saudara kita datang daripada negeri Jepun dan Korea bertabur di negara kita, di tempat pembangunan di sana sini. Kita tahu bahawa latar belakang negara kita tidak sama dengan negeri Jepun dan Korea. Sikap pandangan dan falsafah hidup banyak berlainan. Dalam keadaan kita memerlukan mereka datang ke sini untuk memudahkan transfer of technology dan demi untuk mutual benefit, saya percaya akibatnya tidak sedemikian kerana mereka mempunyai pengalaman dalam, mereka adalah pandai dan bijak dan mereka itulah yang dalam bahasa Inggeris "calling the shots". Patutnya kita lihat berapa

besarnya sekarang ekonomi negeri Jepun sehingga kini satu-satunya negara di dunia ini, Jepun sahaja yang surplus nation. Dari pandangan kasar pun teori Osmosis semestinya merugikan negara kita. Bila mereka sudah dalam serba segi kegiatan ekonomi di negara ini mereka itulah yang akan mendapat kekayaan daripada negara Malaysia. Saya berpendapat bahawa kita patut berantara padukan ekonomi kita iaitu kita buat dagangan dengan mana-mana jua negara yang ingin berbuat demikian dengan negara kita, tidak hanya pandang ke Timur tetapi pandang ke Barat, ke Timur Tengah dan Timur Jauh atau Pacific dan semuanya.

Saya contohkan di sini, apa yang terjadi dalam keadaan Osmosis. Kalau semuanya kita memberi pandangan ke Timur akan mengakibatkan keadaan yang boleh diibaratkan seperti orang yang membina rumah. Kalau seorang yang membina rumah, cadangan rumah dirangka oleh satu Arkitek yang mempunyai kaitan dengan sebuah bank pinjaman, dengan yang ada kaitan dengan pembekal barang-barang binaan, selepas itu rumah itu ditender untuk dibina. Sebab spesifikasinya sudah ditentukan oleh satu Arkitek yang ada berkaitan dengan barang bahan binaan dan dengan bank pinjaman, maka yang boleh dapat tender pun mereka yang ada kaitannya juga. Keadaan ini mungkin berlaku di negara kita kalau tidak mengawasi 'Pandang Ke Timur' ini telah melanjutkan pandangan itu hanya tanpa mengira akibatnya yang mungkin buruk.

Tuan Yang di-Pertua, kita terdapat cadangan Yang Berhormat Menteri untuk menurunkan Cukai Pendapatan daripada 55% kepada 40% ke atas pendapatan lebih \$100,000. Saya sendiri pandang tidak lojiknya pada cadangan itu walaupun niatnya ialah

untuk menggalakkan adanya economic equation iaitu saving equals investment tetapi kemungkinan juga akan jadi bahawa kalau ada orang mempunyai wang ringgit banyak di kocek mereka itu berkemungkinan buat dalam speculative market lebih lagi daripada membuat simpanan ataupun pelaburan. Jadi, kalau kita mempunyai banyak wang di kocek untuk berbelanja akibatnya inflasi dan keadaan ekonomi yang tidak baik kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa ramai orang yang kaya sudah pun melabur di luar negeri. Kawalan Bank Negara di atas keluaran wang ringgit adalah tidak cukup erat. Banyak syarikat tempatan yang mempunyai anak-anak syarikat di luar negeri dan dalam keadaan itu memainkan keuntungan iaitu menyimpan keuntungan di negara-negara ketiga dan tidak membawa wang itu balik ke negara ini. Wang itu digerakkan oleh mereka untuk melabur di negara-negara lain dan ini pun satu saluran yang besar wang kita terkeluar yang tidak ketara. Saya merasa hairan mengapa ada keadaan di mana kita meminjam lebih sangat daripada luar negeri dan kita juga memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha di luar negara. Di negara kita ini cagaran seperti CGC dihadkan maksima \$50,000 tetapi pinjaman kita kepada luar tanpa had. Bila rakyat Bumiputera mohon pinjaman begitu susah, diperlukan yang lengkap butir-butir dan cagaran tetapi setengah-setengah pihak dapat pinjaman tanpa keperluan semuanya. Saya berpendapat kalau Kerajaan dengan cadangan membanyakkan wang di kocek orang ramai melalui penurunan Cukai Pendapatan akan amalkan satu perubahan baharu iaitu domestic borrowing daripada sikap sekarang iaitu foreign borrowing, itu adalah untuk bersesuaian dengan keadaan di mana wang banyak ada di kocek orang ramai.

Negara kita meminjam banyak sangat di negara-negara luar dan sudah pun menambah beban membayar balik yang begitu berat. Kita sudah sampai ke masanya akan pinjaman dibuat oleh Kerajaan daripada rakyat sendiri di negara ini dan untuk menarik demikian faedahnya patut lebih mewah lagi dikenakan. Saya juga mencadangkan di sini supaya untuk memansuhkan wang yang banyak pada kocek-kocek orang ramai supaya Amanah Saham Nasional had maksima yang \$50,000 kini dinaikkan kepada \$100,000 untuk absorb banyaknya cash di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada awalnya tadi saya sebut akan patutnya kita bersikap menumpukan kepada satu sektor. Pertanian ialah satu sektor yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua. Pertanian kita masih dalam keadaan tidak memuaskan lebih-lebih lagi di negeri Sarawak. Kita sudah lebih sangat menumpukan pembinaan perusahaan dan perumahan. Negara kita sudah ada lebih ruang kediaman dan pejabat sekarang tetapi pertanian yang mungkin ada menyelamatkan kita daripada kebuluran tidak diusahakan dengan cukupnya. Dasar Pertanian Negara kita sudah pun ada tetapi oleh sebab kesulitan pengambilan tanah ketidak laju untungnya pertanian masa kini pertanian dalam keadaan sedia kala. Keadaan ini adalah dikesalkan. Kerajaan kita patutnya bersikap sudah sampai masanya kita mengeluarkan lebih bahan makanan untuk keperluan negara dan juga untuk eksport. Saya berpendapat kalau kita tidak dapat membawa proses industrialisation ke luar bandar kemungkinan mereka tidak dapat menikmati faedah dan kemajuan di bandar. Maka pertanianlah yang alat itu untuk membawa kepada rakyat di luar bandar hidup yang bertaraf tinggi supaya mereka dapat menikmati taraf hidup yang lebih mewah. Tumpuan

yang saya maksudkan ialah bukan sehingga dasar sahaja seperti sekarang sudah adakah Dasar Pertanian Negara tetapi dengan dasar kemudahan-kemudahan kewangan, kredit, infrastruktur dan pasaran mesti diadakan dan ini patut jadi penekanan tumpuan Kerajaan sekarang. Negeri Sarawak punyai tanah yang luas dan subur tetapi cukup kurang jalan-jalan di kawasan pedalaman dan juga yang adanya tidak memuaskan. Apa salahnya kalau usaha diadakan ke arah itu. Sekarang Kerajaan mengamalkan tujuan untuk menuju kepada satu angka 70 miliion ramai penduduk di Malaysia ini. Mahukah kita melihat semua bilangan itu menduduki Kuala Lumpur? Lebih patut juga kita menaburkan penduduk ini dan untuk demikian bawalah fasiliti-fasiliti kepada Sarawak juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya bermaksud bahawa Semenanjung Malaysia sekarang sudah mempunyai jalan-jalan dan infrastruktur bertaraf antarabangsa. Lagipun Kuala Lumpur ini dekat dengan perairan antarabangsa—sea lane dan air routes. Memang banyak yang sudah berlaku sejak merdeka dan dalam beberapa tahun ke belakangan ini sudah berlipat ganda perbelanjaannya kepada jalan-jalan raya di Semenanjung. Ini adalah bersesuaian dengan taraf pusat negara iaitu Kuala Lumpur. Tetapi jangan abaikan sangat Sarawak. Ketakutan kedaerahan adalah tidak berasa dan kalau ada pandangan, pembangunan infrastruktur dan tumpuan pertanian di Sarawak itu akan mendekatkan perasaan rakyat di Sarawak terhadap saudara-maranya di Semenanjung.

Saya memberi satu dari contohnya, iaitu jalan raya dari Sematan/Lundur ke Bau, ke Kuching, ke Simanggang, ke Sibul, Bintulu, Limbang, Lawas dan Sabah/Brunei patut diperbaiki dan dinaikkan taraf supaya menjadi taraf antarabangsa untuk menambahkan pelancongan dan perhubungan di antara penduduk-penduduk di tempat

masing-masing. Jalan Kuching/Bau kini banyak digunakan kenderaan berat dan merbahaya kerana sempit, bengkok dan berselekeh. Ini patut diperbaiki, walau tidak pun sebab lain, untuk menjauhi pengguna-pengguna jalan itu daripada merbahaya.

Di Sarawak kini perjalanan bergantung sangat kepada udara dan MAS sebab jalan raya tidak baik. Ini sudah menyusahkan penduduk di sana, lagi pun penerbangan MAS sekarang mengenakan penalty 25% kepada penumpang-penumpang yang buat tempahan tetapi tidak bertolak. Ini adalah cukup berat dan kalau kita lihat di pengakuan akaun MAS tempoh hari, 25% penalty itu telah menjadi satu item revenue kepada MAS. Saya cukup harian kenapa 25% penalty diadakan iaitu MAS adalah satu monopoli.

Kalau tindakan itu untuk memaksa pengguna-pengguna menaiki MAS, penalty itu sepatutnya dikenakan kepada yang ke luar negeri sahaja. Itupun akan buat tidak attractiveness pakai MAS. Sepatutnya MAS mengadakan benefit dan attraction dan bukan penalty seperti 25%. Dan lagi mereka tidak menggunakan budi bicara mereka dalam mengenakan penalty itu. Kalau orang sakit dan orang yang tidak dapat berjalan kerana ada mesyuarat yang mesti diadakan, ini semua boleh jadi alasan menasabah dan mereka yang ada alasan demikian patut tidak dikenakan, tetapi sekarang budi bicara itu tidak dilakukan. Lagipun MAS perlu 24 jam notis kalau hendak batalkan perjalanan untuk mengelakkan daripada penalty 25%. Masa 24 jam adalah sangat pendek.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar ini sudah berjalan beberapa tahun. Dasar Ekonomi Baru sekarang sudah jadi satu perkara kebiasaan.

Beberapa tindakan daripada dasar dan fiskal telah pun dan sedang dijalankan untuk mengseimbangkan ketidakseimbangan di antara kaum di Malaysia. Kini konsep privatisation pun dijalankan. Kita pun sudah lihat pertukaran corak akibat Dasar Ekonomi Baru itu.

Yang saya ingin memperhatikan di sini ialah keadaan penduduk satu kaum di Sarawak iaitu kaum Bidayuh yang tidak ada perubahan selama ini walaupun dengan Dasar Ekonomi Baru. Pembangunan fiskal pada pandangan penduduk itu belum ada yang nyata. Kemudahan-kemudahan dalam perniagaan dan lain-lain berikutan dengan Dasar Ekonomi Baru tidak ada diberi kepada keturunan ini. Pembangunan tanah belum ada yang ditempatkan di kawasan yang diduduki oleh masyarakat itu. Sudah lama diminta supaya FELDA ataupun FELCRA datang membangunkan tanah yang luas yang diduduki oleh penduduk itu tetapi sampai sekarang belum ada yang nyata. Kemudahan api, air, elektrik dan perkembangan kampung tidak ada dinikmati. Tanah yang dikatakan luas diduduki oleh Bidayuh dengan sebenarnya boleh diibaratkan dengan "mirage" di padang pasir, tengok ada air dari jauh; sampai ke situ baru tahu tidak ada air.

Undang-undang tanah di Sarawak berasas kepada Native Customary Rights, telah dan akan menyulitkan semua keadaan. Undang-undang ini perlu dikaji demi untuk memudahkan keturunan Bidayuh boleh menyertai dalam kegiatan ekonomi sebenar.

Saya merayu di sini supaya Kerajaan ambil tindakan yang wajar dan berpatutan untuk membolehkan penyertaan Bidayuh dalam apa jua kegiatan ekonomi dan galakan yang berekoran dari Dasar Ekonomi Baru yang patut diberi.

Saya buat rayuan ini di sini sebab mungkin Kerajaan Negeri sendiri tidak dapat dan tidak terdaya memandangkan beberapa berat dan beberapa banyaknya juga masalah itu. Jadi kalau dengan campur tangan oleh Kerajaan Pusat, lebih lagi di bidang pembangunan tanah, seperti FELCRA dan FELDA campur tangan, itu akan mencepatkan keadaan Bidayuh menyertai dalam pembangunan yang pesat di negara kita sekarang.

Sejak Merdeka, kaum Bidayuh telah jadi mangsa politik. Berbagai parti politik telah membahagikan kawasan di Bahagian Pertama sehingga Bidayuh tidak mempunyai political strength. Parti-parti yang menguasai tempat itu pun hanya mementingkan taraf keturunan bukan Bidayuh, sehingga kalau ada cadangan elektrik, air paip dan jalan raya baru, kemudahan ini selalunya disampaikan kepada mereka sendiri sahaja, walaupun Bidayuh jauhnya lepas sempadan tanah sahaja. Kalau Kerajaan Pusat dapat mengatur pihaknya untuk mengkaji keadaan sebenar dan mendorong Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menyamaratakan kaum-kaum yang lain, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Saya juga ingin Kerajaan Pusat memandangkan keadaan pelajaran, perniagaan, pertanian dan pembangunan tanah di Sarawak diamalkan untuk bertujuan membaiki keadaan Bidayuh dan Bahagian Pertama keseluruhannya. Saya berpendapat kalau ada pembangunan dilakukan di situ, selain daripada politik, hasilnya akan dinikmati juga oleh semua di negeri itu dan rakyat Malaysia amnya.

Di Bau juga ada satu keadaan di mana kalau Dasar Ekonomi Baru dapat diberi ke sana akan membawa kesan yang baik kepada Bumiputera

yang duduk di tempat itu. Di bandar Bau sendiri ada satu kawasan yang dikhaskan untuk kediaman Melayu. Tanah itu berhampiran dengan kedai-kedai. Ada baiknya tanah itu ditukar tarafkan supaya dapat pihak Bumiputera yang duduk di tanah itu sekarang menyertai dalam perniagaan dan aktiviti-aktiviti yang lain untuk menukarkan gaya hidup mereka daripada seperti yang dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi: "Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Mereka duduk dekat bandar, mata mereka hanya tengok sahaja, seperti perkataan oleh orang kampung: "Ikan tergantung, kucing mengiau", macam itu keadaannya.

Saya menyentuh di sini supaya apa jua kegiatan yang diadakan, bukan sahaja di Semenanjung tetapi di Sarawak dan di Sabah, supaya seperti Dasar Ekonomi Baru ini merangkumi semua penduduk Bumiputera. Kalau ada hendak dibuka perlombongan dan apa juga industri di tempat itu, ada eloknyanya kalau anak-anak tempatan Bumiputera diambil untuk menyertai dalam kegiatan itu, bukan hanya dari segi memberi pekerjaan tetapi memberi kepada pegangan ekuiti supaya mereka yang pegang ekuiti dapat menentukan bahawa keadaan pekerja-pekerja itu adalah untuk kebaikan, bukan untuk keburukan mereka.

Kegiatan di Bau sekarang adalah pesat, tetapi anak tempatan tidak diambil serta. Saya menyeru kepada Kerajaan untuk mendorong Kerajaan Negeri supaya berbuat lebih adil kepada semua pihak bumiputera di tempat itu. Saya menyebut demikian bukan demi untuk memarah kepada Kerajaan Negeri, tidak. Saya menyokong Kerajaan Negeri, tetapi dimensi masalah itu adalah besar dan perlu satu penekanan dan kalau ada dorongan dari Kerajaan Pusat, itu mungkin membawa kesan yang cepat dan untuk kebaikan.

Saya juga ingin menyentuh kepada keadaan Kerajaan hendak membawa kepada senangnya bumiputera menender. Sekarang kerja-kerja Kerajaan yang kurang daripada \$50,000 diberi khas untuk pemborong-pemborong bumiputera menender. Tetapi dengan tidak ada lengkapnya keadaan lain yang berkaitan seperti kemudahan kredit dari bank dan juga tingginya syarat yang dikenakan oleh pihak Kerajaan kepada pekerjaan-pekerjaan ini maka pemborong-pemborong bumiputera tidak mempunyai kapasiti untuk mengadakan kerja itu dengan membawa keuntungan. Keadaan ini telah menyebabkan adanya lebih besar bilangan Ali-Baba terjadi di Sarawak oleh kerana kerja ada dikhaskan kepada pemborong bumiputera tetapi syaratnya tinggi. Bumiputera tidak mempunyai wang, tidak mempunyai pengalaman, tidak mempunyai jentera-jentera, bahan-bahan binaan dan juga biasanya kerja-kerja yang dikhaskan kepada pemborong-pemborong bumiputera ini adalah kerja-kerja yang paling susah, paling sukar dibina, di tepi laut, di kawasan pendalaman yang jauh yang tidak dapat sampai ke situ oleh kerana jalanraya tiada. Kalau di tepi pantai, kapal tiada, terpaksa pakai perahu kecil sahaja. Ini adalah satu keadaan yang tidak memberi manfaat kepada bumiputera.

Saya mencadangkan kalau Kerajaan betul-betul ingin membantu bumiputera, saya hanya memandang ke Sarawak, sebab di situ saya sudah lihat, eloklah Kerajaan mengkaji semula dari segi dasar dan implimentasi dasar sehingga apa yang diberi kepada mereka benar-benar dapat dipikul oleh mereka itu dan juga dapat dilaksanakan untuk keuntungan dan kebaikan mereka itu dan bukannya seperti sekarang, bumiputera ada lesen, yang bekerja orang lain. Bukan salah bumiputera itu tetapi salah Kerajaan kerana

Kerajaan tidak mengambil kira keadaan yang ada di tempat rendah itu, mungkin tidak dipandang dari pejabat di Kuala Lumpur.

Saya menyeru supaya Kerajaan Pusat melalui Kementerian tertentu melihat semula keadaan ini. Sebab itulah satu saluran untuk memajukan atau tidak Dasar Ekonomi Baru. Kita lihat di Laporan Ekonomi tiap-tiap tahun, juga cadangan-cadangan Kerajaan bahawa ada kerja-kerja tertentu yang dikhaskan kepada pemborong-pemborong bumiputera. Tetapi kalau setakat itu sahaja usaha kita, maka tidak benarlah kita mengakui bahawa kita bertujuan untuk memperbaiki keadaan bumiputera. Saya mencadangkan supaya cagaran CGC dinaikkan daripada had maksima \$50,000 kepada \$250,000 dan juga saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil minat seterusnya supaya mencatumkan syarikat-syarikat bumiputera yang kecil-kecilan supaya dapat lebih berkesan lagi dalam apa jua kegiatan pekerjaannya. Kalau dalam perusahaan binaan, supaya mereka dengan cara berkongsi dapat bekerja dapat juga mereka mencari keuntungan untuk faedah sendiri. Keadaannya sekarang, sebab adanya tujuan untuk menolong bumiputera, keadaan ini diambil untuk nasib mereka sendiri oleh orang lain, orang bukan bumiputera. Ambil nama bumiputera buat register company, pakai taraf bumiputera, masuk tender dengan orang bumiputera yang lain di tender itu. Mereka yang sudah mempunyai pengalaman yang besar dan dalam, mereka yang mempunyai wang ringgit dan kredit yang besar, mereka yang ada kaitan dengan stok bahan binaan yang besar mengikut serta dalam tender yang dikhaskan untuk bumiputera. Ini ada berlaku di merata-rata tempat, tetapi saya sudah tengok di Sarawak. Jadi saya minta Kerajaan Pusat untuk menengok keadaan ini keseluruhannya. Sekarang

cagaran CGC \$50,000 had maksima tidak mencukupi. Kalau kita berniat untuk membantu bumiputera, bantu betul-betul. Jadi untuk mengelakkan daripada banyaknya bumiputera yang hanya atas nama sahaja bumiputera ambil kemudahan kredit itu, Kerajaan mencantumkan company dan syarikat yang kecil-kecilan menjadi satu yang besar supaya efektif dan berkesan.

Di atas itu Jawatankuasa Negeri Unit Bumiputera patut bergiat lebih aktif untuk menengok keadaan ini bukan secara hanya di Dewan Undangan Negeri, di Parlimen kita mengatakan, "Oh! berapa juta ringgit tender yang dikhaskan kepada bumiputera". Yang kita hendak bertanya sama ada yang dikhaskan untuk ditender oleh bumiputera itu benar-benar dapat dipikul oleh bumiputera serta berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa pada awal tahun 1983, satu dua kenyataan di suratkhabar-suratkhobar telah dilemparkan kepada saya. Saya ingin membetulkan keadaan itu dengan menyebutkan di sini keadaan sebenar. Pada pilihanraya di Sarawak yang berlalu, saya telah mengatakan sebagai tidak menyokong Kerajaan Negeri. Tetapi sebenarnya saya menyokong dan saya berdiri tegap di belakang Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Ketua Menteri Sarawak dalam niat beliau untuk membaiki keadaan bumiputera, dalam niat beliau mentadbirkan negeri Sarawak yang mempunyai masalah yang begitu rumit yang bercorak lebih banyak daripada yang ada di Semenanjung.

Tetapi tindakan yang telah saya ambil ialah tindakan yang patut saya ambil. Ini boleh dibandingkan dengan keadaan kalau satu pihak dalam satu perjanjian telah mungkir (breach), buat tidak betul ikut perjanjian maka mengikut Principle of Contract Laws

kalau satu pihak dengan satu pihak yang lain telah mengadakan satu perjanjian dan satu pihak daripada dua pihak ini telah menukar sikap maka pihak yang sebelah boleh mengambil tindakan untuk mengurangkan kerugian (mitigation of loss). Itulah keadaan yang telah saya lakukan dan tuduhan bahawa saya tidak mempunyai pendirian yang teguh, pendirian yang tetap, itu tidak berasas. Saya seorang yang berprinsip juga dan bila saya tengok akan keadaan saya semua diabaikan, saya buat tindakan pada saat itu untuk kepentingan masyarakat yang saya wakili dan pengundi-pengundi yang telah mengundi saya selama empat kali pilihanraya saya menyertai.

Saya ingin juga merakamkan di sini kalau ada tindakan saya pada masa itu yang telah disalah tafsirkan oleh pihak-pihak tertentu walaupun salah tafsiran itu, saya mohon maaf kepada sesiapa yang merasa perbuatan saya itu telah menyusahkan mereka. Tetapi pada saat yang saya buat tindakan sedemikian adalah tindakan yang saya fikir lebih baik bagi saya dan bagi masyarakat yang saya wakili.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang Wakil Rakyat dari kawasan yang jauh di ulu, kawasan yang penduduknya bertaburan di sana-sini, kemudahan jalanraya tidak ada yang baik, kebanyakan mereka duduk di dalam kampung yang susah dan sukar untuk dihubungi. Maka tindakan kita patut juga, tindakan yang bertolak ansur dengan keadaan sedemikian. Kalau kita gopoh-gapah untuk membuat sesuatu, kemungkinannya ialah salah sangka akan timbul, salah mengerti akan timbul, itu akan menyusahkan fahaman dan fikiran rakyat dan itu tidak untuk kebaikan.

Saya juga menyeru dan saya berdiri di atas pendirian yang sepatutnya kalau ada apa jua yang kita hendak

bincang atau hendak lakukan, biarlah kita bersikap seperti kata dalam bahasa Latin, dengan izin, "*audi alteram partem*" iaitu kita dengar dua-dua pihak jangan hanya satu pihak sahaja kita dengar dan terus bertindak. Untuk kebaikan semua, itu patut kita amalkan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang menyeluruh di kawasan yang diduduki oleh kaum Bidayuh di Bahagian Pertama adalah keadaan yang banyak menyulitkan. Tanah yang diduduki oleh mereka adalah berasaskan Native Customary Rights. Section 5, Sarawak Land Code telah membawa kepada satu keadaan di mana seseorang yang telah menanam di atas tanah pada tahun 1958, tanah itu adalah tanah Native Customary Rights yang diturunkan oleh sipemilik kepada anak cucunya. Dan keadaan itu telah menyulitkan segala tujuan Kerajaan untuk menukar keadaan hidup mereka.

Inilah perkara yang patut kita memikirkan seberat-beratnya dan inilah perkara yang patut kita tumpukan tenaga supaya keadaan ini iaitu keadaan di mana bumiputera keturunan Bidayuh yang mempunyai tanah yang luas, tidak hanya mempunyai tanah yang luas tetapi tanah yang subur yang dapat mereka menikmati hasilnya daripada tanah yang luas itu.

Saya bercadang di sini supaya Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri membentuk satu sekretariat untuk mengkaji lebih mendalam ke atas semua masalah ekoran dengan status hak milik tanah Native Customary Rights ini. Saya juga bercadang supaya agensi-agensi Kerajaan Pusat seperti FELCRA mungkin FELDA tidak sesuai; FELCRA dan sesuai, sebab FELCRA ini sama dari segi undang-undangnya, dari segi asas undang-undangnya sama

dengan SELCRA dan LCDA di Sarawak untuk pergi dan membangunkan tanah yang luas di kawasan Bidayuh.

Saya sebut Bidayuh-bidayuh sahaja bukan untuk mengagung-agungkan kaum itu—tidak, tetapi kaum inilah yang paling sudah, paling dalam keadaan ketinggalan—denied neglect yang diamalkan selama ini.

Saya minta Kerajaan mengambil perhatian yang cukup dengan minat yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berdiri di sini dan berucap sedikit di atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan telah menyebut beberapa aspek tertentu lebih-lebih lagi aspek yang telah saya sebutkan ialah aspek yang berkaitan dengan saya, berkaitan dengan kawasan yang saya wakili dan berkaitan dengan penduduk yang saya lebih memandang tiap-tiap hari. Saya tidak menyebut keadaan lain, sebab Ahli-ahli Yang Berhormat lain telah pun menyebutnya. Dan juga saya tidak menyebut keadaan yang mana mungkin sama yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan lain, sebab mereka ada diwakili di Dewan yang mulia ini. Yang saya sebut ialah bukan untuk hanya melegakan pendengaran tetapi saya buat seruan dengan perkataan dari hati sendiri iaitu saya ingin untuk keadaan ditukarkan. Kalau ada fahaman yang tidak bersesuaian, kalau ada pandangan yang mungkin di atas satu dua tindakan yang disalah tafsirkan yang telah mengakibatkan jauhnya pentadbiran dengan penduduk-penduduk yang saya wakili. Di atas segala itu, saya mohon pandangan semula terhadap apa yang saya sebutkan tadi.

Saya ingin mengakhiri kata supaya jangan diabaikan penduduk, walaupun penduduk ini terpencil dan

jauh dari pandangan Kuala Lumpur, walaupun daripada segi nasional, daripada segi Malaysia penduduk yang terpencil adalah tidak dipandang ataupun ada kecil-kecilan sahaja, dalam perkataan Inggeris "a minor speck in the whole horizon of dust". Tetapi . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat kena minta izin.

**Tuan Patrick Anek Uren:** . . . . . dengan izin, maaf. Tetapi walaupun kecil-kecilan perlu juga tidak diabaikan.

Saya mohon di sini sebelum saya duduk semula agar mendapat pandangan yang sebenar-benarnya di atas perkara yang saya sebutkan. Saya mohon supaya dirapatkan antara pemimpin-pemimpin di negeri Sarawak supaya perbincangan atas masalah-masalah boleh dilakukan.

Saya juga mohon supaya disempadankan parti-parti politik agar pemimpin-pemimpin yang benar-benar berminat ke atas menyelesaikan masalah dapat berbincang, dapat berjumpa, dapat berunding dengan baik demi untuk menyelesaikan masalah itu. Saya harap akan dibuat demikian pada masa-masa akan datang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekali lagi ribuan terima kasih atas perhatian yang mungkin diambil oleh pihak Kerajaan. Saya dahulukan ucapan terima kasih sekiranya tindakan akan diambil dan juga saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Kerajaan yang telah membentangkan Belanjawan yang telah dialu-alukan oleh pihak orang ramai sebagai satu tindakan yang wajar dan baik, dengan itu saya sekali menyokong.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas.

6.12 ptg.

**Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob (Hilir Padas):** Terlebih dahulu saya minta maaf kerana saya tergesa-gesa, kerana masa 15 minit sahaja diuntukkan. Saya akan cuba menghabiskan ucapan saya ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana telah membentangkan satu Belanjawan Kewangan yang begitu lengkap sekali, yang dinamik serta bermurah hati dan saya anggap inilah satu Belanjawan yang penuh bermakna dan berfaedah kepada rakyat.

Kelmarin kita telah mendengar tuduhan dan tohmah dari Ahli Kota Melaka terhadap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah iaitu Ahli dari Ulu Padas. Sebenarnya, tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan ianya di buat dan dipersengajakan dengan tujuan supaya ianya membuat gambaran yang tidak baik dan tidak sihat terhadap Ketua Menteri.

Setiap kali Dewan ini bersidang, setiap kali itu juga Ahli dari Kota Melaka membuat dan melemparkan tuduhan terhadap Ahli dari Ulu Padas, tuduhan-tuduhan itu tidak lain dan tidak bukan semata-mata berniat jahat ke atas Ahli dari Ulu Padas, kenapa dan mengapa perkara sedemikian harus berlaku? Jawapannya ialah Ahli dari Kota Melaka adalah orang yang sangat kecewa dan orang yang dirundung malang, beliau merupakan ibarat sebiji batu yang sudah jatuh ke dalam sungai yang tidak mungkin lagi timbul.

Saya berasa sedih dan kecewa melihat tingkah-laku Ahli dari Kota Melaka ini yang bersifat kebudak-budakan, tuduhan melulu dan tidak berasas oleh Ahli dari Kota Melaka jelas ternyata bahawa niat beliau terhadap Ahli dari Ulu Padas itu adalah berasaskan semata-mata dari

iri hati, dengki dan berpandukan nafsu syaitan yang harus kita rejam.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang kita hadapi ialah kebanyakan orang daripada Sabah mempunyai gambaran ataupun menganggap bahawa kesemua orang dari Sabah adalah kaya-kaya belaka di mana sebarang bantuan kewangan tidak diperlukan. Anggapan dan gambaran palsu ini masih kekal adalah berpunca dari kelakuan dan tabiat beberapa orang ahli politik USNO yang tidak bertanggungjawab di mana semasa pemerintahan regim USNO, mereka ini sentiasa berpoya-poya dan berbelanja tanpa batas dan pemberian tip sebanyak \$500 ataupun lebih di kelab-kelab malam pada masa itu adalah perkara yang tidak menghairankan.

Atas sikap boros mereka dan di dalam menyalahgunakan kuasa untuk membolot kekayaan negeri Sabah, telah mengakibatkan negeri Sabah hampir-hampir bankrup. Walau bagaimanapun, apakala Parti BERJAYA mengambil alih tampok Kerajaan Negeri Sabah pada bulan April 1976, keadaan ekonomi beransur pulih dan hingga mencapai keutuhan ekonomi hanya beberapa tahun sahaja sesudah memerintah. Kerajaan BERJAYA telah merancang dan melaksanakan dengan teratur program-program pembalakan dan beberapa projek yang mana telah mengukuhkan perekonomian negeri Sabah ke tahap yang membanggakan. Di dalam keadaan ini sekali lagi negeri Sabah dianggap sebagai kaya dan oleh inilah Sabah selalunya menerima peruntukan pembangunan yang kecil dari Kerajaan Persekutuan untuk menampung perbelanjaan pembangunan negeri Sabah.

Saya ingin menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Sabah dan penduduknya pada keseluruhannya adalah bukan kaya dan kalau kita lihat di segi pembangunan Sabah masih

jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di negara ini. Untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini, jika kita lihat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keempat bahawa Daerah Pitas iaitu sebuah daerah di Sabah adalah diiktiraf sebagai daerah yang paling miskin di seluruh negara Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di samping Daerah Pitas, ada lagi beberapa daerah di Sabah yang berada di dalam kemiskinan.

Saya menyedari bahawa Kerajaan Persekutuan oleh kerana kekurangan peruntukan telah tidak dapat memberikan peruntukan yang mencukupi untuk membiayai sepenuhnya perbelanjaan pembangunan yang dikehendaki oleh negeri Sabah.

Negeri Sabah sebenarnya sangat-sangat memerlukan peruntukan ini. Memandangkan betapa mustahaknya hal ini, Kerajaan Negeri Sabah telah merancang dan memperturunkan dan mengambil langkah-langkah tertentu demi menambahkan hasil negeri termasuk mengambil langkah menaikkan royalti ke atas pengeksportan kayu balak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat, negeri Sabah membiayai hingga 42% dari peruntukannya sendiri di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan. Kalau saya tidak silap, Sabah adalah merupakan satu dari dua buah negeri sahaja yang menghulurkan peruntukannya sendiri di dalam pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Kalau saya tidak silap dalam perbahasan Belanjawan 1982 pada bulan Oktober 1981, Yang Berhormat Ahli dari Ulu Padas, iaitu Ketua Menteri Sabah telah memberi hujah-hujah beliau dan penjelasan kenapa formula mengenai pengiktirafan

kekayaan atau kemiskinan sesebuah negeri itu adalah tidak adil jika ianya digunakan ke atas negeri Sabah. Di dalam perbahasan tersebut, Ahli dari Ulu Padas telah merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberikan peruntukan yang saksama bagi pelaksanaan projek-projek Persekutuan di negeri Sabah dan demi mempercepatkan pembangunan di negeri itu.

Saya ingin menekankan apa yang telah diperkatakan oleh Ahli dari Ulu Padas semasa perbahasan itu. Beliau telah menegaskan bahawa sesungguhnya apa jua usaha negeri Sabah di dalam membiayai projek-projeknya seharusnya bukan menjadi penghalang untuk negeri Sabah menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Ahli dari Ulu Padas juga berkata apa yang dilaksanakan di Sabah sepatutnya diberi galakan dan menjadi contoh dan teladan kepada negeri-negeri lain dengan tujuan untuk menambah dan meninggikan lagi usaha Kerajaan Persekutuan di dalam usahanya melaksanakan pembangunan pada keseluruhannya.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, iaitu Ahli dari Ulu Padas membuat teguran ini memandangkan bahawa apakala kita kaji peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Yang Keempat jelas kelihatan bahawa seharusnya negeri Sabah hanya terletak di tempat yang kesembilan di dalam penerimaan peruntukan Persekutuan dan kalau dibandingkan dengan perbelanjaan penduduk per kapita yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, negeri Sabah turun ke tangga ke sebelas.

Nampaknya walaupun beberapa rayuan telah dibuat untuk menerima peruntukan yang saksama dari Kerajaan Persekutuan, formula yang digunakan di dalam pembahagian peruntukan pembangunan di bawah

Rancangan Malaysia Yang Kelima masih tidak berubah dan tidak mengambil kira fakta-fakta yang saya sebutkan tadi dan ianya akan memuramkan lagi keadaan apakala saya difahamkan bahawa negeri Sabah masih lagi dianggap sebagai sebuah negeri yang kaya yang tidak memerlukan peruntukan yang sewajarnya. Kalaulah pembahagian ini berasaskan kepada gambaran yang palsu ini, sudah pasti negeri Sabah akan menerima peruntukan mungkin lebih berkurangan dari apa yang diterima di bawah Rancangan Malaysia Yang Keempat. Kalaulah ini berlaku sudah pasti negeri Sabah akan mengalami kerumitan yang amat sangat di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan.

Saya ingin menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa negeri Sabah masih lagi tertumpu kepada kayu balak sebagai sumber utama pendapatan negeri. Ini bermakna pendapatan negeri tertumpu kepada kadar royalti kayu balak yang dikenakan. Jika sekiranya kadar royalti ini rendah, seperti yang berlaku hingga tahun 1978, pendapatan negeri juga akan kurang dan ini sudah pasti akan menjejaskan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri.

Memandangkan bahawa negeri Sabah masih lagi jauh ketinggalan di belakang dan oleh kerana pembangunan di negeri Sabah telah lembab sewaktu pemerintahan USNO dahulu, pemerintahan Kerajaan BERJAYA terpaksa mencari peruntukan yang lebih demi melaksanakan projek-projek yang sangat perlu demi meninggikan taraf hidup rakyat di dalam tempoh yang begitu singkat. Demi mencapai hasrat ini, Kerajaan negeri Sabah perlu membantu Kerajaan Persekutuan di dalam pelaksanaan program-program pembangunannya dan ia hanya akan dapat dicapai dengan adanya peruntukan Persekutuan yang mencukupi.

Di dalam tahun 1980 pendapatan Kerajaan Negeri Sabah telah meningkat dua kali ganda hasil dari kenaikan kadar royalti kayu balak ke tahap yang dianggap yang paling tinggi dalam dunia. Menyedari hakikat bahawa peruntukan yang mencukupi harus diperolehi demi membiayai projek-projek pembangunan, para peniaga kayu balak telah menerima kadar ini walaupun secara barat hati. Pada hari ini perniagaan mereka terancam akibat dari harga kayu balak yang jauh menurun manakala kadar royalti masih tinggi.

Di dalam hubungan ini, mereka telah beberapa kali merayu kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya menurunkan kadar royalti kayu balak ini. Hingga ke hari ini Kerajaan Negeri masih mengekalkan kadar royalti yang tinggi ini dan kalaulah ianya diturunkan seperti kadar royalti sebelum 1979, sudah tentu Kerajaan Negeri Sabah akan mengalami deficit yang begitu besar dan akhirnya akan menerima penderitaan.

Oleh hal yang demikian, adalah salah bagi sesiapa juga yang menganggap Negeri Sabah kaya dan oleh kerana anggapan yang salah inilah menyebabkan Negeri Sabah hanya menerima peruntukan pembangunan yang sangat kecil dari Kerajaan Persekutuan. Kalau saya tidak silap, pada suatu ketika dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah menyarankan supaya semua negeri berusaha untuk mendapatkan pendapatan sendiri dan jangan terlalu bergantung kepada Persekutuan untuk keperluan masing-masing. Kalau sekiranya Sabah, walaupun memandangkan ianya sebuah negeri yang jauh mundur di dalam pembangunan dapat berusaha untuk mendapatkan hasilnya sendiri, saya merayu supaya Sabah seharusnya diberikan peruntukan yang wajar dan berpatutan.

Jika sekiranya negeri-negeri lain, umpamanya Sarawak, mengikut menaikkan kadar royalti kayu balak, sudah pasti negeri itu juga akan dianggap sebagai kaya. Memandangkan bahawa Sarawak tidak menaikkan royalti kayu balaknya, ianya telah dianggap sebagai salah sebuah negeri yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik satu perbandingan pendapatan hasil dari royalti kayu balak di antara Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 1976, Sarawak memungut hasil hutan dan mengeksport sebanyak 2.9 juta meter padu kayu balak dengan pendapatan sebanyak \$42 juta, manakala Sabah mengeksport sebanyak 12 juta meter padu kayu balak dengan memperolehi pendapatan sebanyak \$326 juta. Pada tahun berikutnya Sarawak mengeksport 3.5 juta meter padu kayu balak dengan memperolehi pendapatan sebanyak \$45.6 juta, manakala Sabah mengeksport 12.3 juta meter padu kayu balak dengan memperolehi pendapatan sebanyak \$496 juta. Dalam tahun 1978, Sarawak mengeksport 4.2 juta meter padu kayu balak dengan memperolehi pendapatan \$53.7 juta, manakala Sabah mengeksport 12 juta meter padu kayu balak dengan memperolehi pendapatan \$510 juta. Dalam tahun 1979, Sarawak mengeksport 6 juta meter padu kayu balak dengan memperolehi pendapatan \$91.6 juta, manakala Sabah mengesport 9.7 juta meter padu dengan memperolehi pendapatan sebanyak \$1.1 billion. Pendapatan yang tinggi ini adalah hasil dari kenaikan kadar royalti pada tahun 1979. Pada tahun lalu umpamanya, Sarawak mengeksport 9.1 juta meter padu kayu balak dengan memperolehi pendapatan sebanyak \$462.8 juta, manakala Sabah mengeksport lebih kurang hampir sama, iaitu 9.5 juta meter padu dengan memperolehi pendapatan sebanyak \$408.9 juta.

Dari perbandingan yang saya kemukakan ini jelas ternyata bahawa Sabah memungut pendapatan yang lebih dari negeri-negeri lain hanya semata-mata atas kadar royalti kayu balak yang paling tinggi demi membiayai kehendak rakyat yang sangat memerlukan dan dahagakan pembangunan. Hanya oleh kerana Sabah mengenakan kadar royalti kayu balak yang tinggi dan memperolehi pendapatan yang tinggi, lantas ianya dianggap sebagai negeri yang kaya, manakala negeri-negeri lain yang tidak mengenakan kadar royalti kayu balak yang tinggi dan memperolehi pendapatan yang rendah, lantas ianya dianggap sebagai negeri yang miskin. Dengan anggapan yang sedemikian, Sabah telah menerima peruntukan yang jauh berkurangan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Pembahagian ini ternyata tidak saksama.

Saya memberikan fakta dan angka-angka yang terperinci mengenai pengeluaran kayu balak dan hasil pendapatan negeri ini dengan harapan supaya ianya akan dapat memberi gambaran yang jelas dan sebenarnya dan supaya tidak ada timbul sebarang kekeliruan.

Untuk makluman di Dewan ini, Kerajaan Negeri Sabah juga mengenakan beberapa "charge" ataupun "fees", seperti "fee" pendaftaran bagi kenderaan dan mesin yang digunakan di dalam pembalakan dan juga "landing fees" yang berjumlah di antara 10 hingga 15 peratus dari pendapatan hasil kehutanan.

Masalah yang saya hendak kemukakan di sini ialah haruskah Negeri Sabah diketepikan untuk menerima peruntukan pembangunan yang mencukupi dari Persekutuan hanya semata-mata oleh kerana Sabah telah dapat memungut hasilnya sendiri

untuk membiayai projek-projek pembangunan yang semuanya memerlukan pelaksanaan yang segera. Jika sekiranya Sabah tidak memungut hasil pendapatannya sendiri dan jika ianya sentiasa bergantung kepada peruntukan dari Persekutuan untuk membiayai projek-projeknya, ianya akan sentiasa berada di dalam keadaan kemunduran dan tidak akan boleh menandingi negeri-negeri lain di dalam konteks pembangunan.

Seperti yang dimaklumi, Sabah di samping mengeluarkan hasil perhutanan, ianya juga menghasilkan minyak petroleum di mana sebahagian besar pendapatan darinya diambil ataupun diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Ternyata bahawa apa yang diterima oleh Sabah mengenai peruntukan pembangunan Persekutuan sebenarnya adalah pengambilan balik sedikit hasil atau pendapatan Sabah yang telah disumbangkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Di dalam hubungan ini, saya ingin menekankan bahawa angka-angka, dengan izin, Gross Domestic Product (GDP) dan pendapatan per kapita penduduk-penduduk di Sabah adalah mencerminkan gambaran yang palsu atau salah. Jika diambil angka-angka mengenai pengeluaran dan pendapatan dari minyak petroleum adalah juga memburukkan lagi gambaran ini. Tambahan lagi, jika kita mengambil kira bahawa harga barangan dan perkhidmatan di Sabah adalah lebih kurang 30% lebih tinggi dari apa yang dialami di Semenanjung Malaysia, dan ini ternyata sekali lagi angka yang diberikan atas GDP adalah tidak mencerminkan gambaran dan keadaan di Sabah yang sebenarnya. Kita harus menyedari bahawa kos perbelanjaan pembangunan di Sabah adalah sangat tinggi memandangkan kos bahan-bahan seperti besi, simen dan lain-lain

yang diimport ke Sabah adalah sangat tinggi. Kos perkhidmatan buruh yang tinggi serta infrastruktur yang kurang, menambah lagi kenaikan perbelanjaan kos pembangunan di Sabah. Sesungguhnya kalau kita amati keadaan ini, sebenarnya Sabah harus diiktiraf sebagai sebuah negeri yang miskin dan dari itu seharusnya Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan yang sewajarnya kepada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan bahawa Sabah kaya oleh kerana pendapatan tinggi dari hasil hutannya haruslah dikikiskan sama sekali. Sebenarnya Sabah berjaya mengatur dan menyusun program pembangunannya dan memungut hasil pendapatan yang memuaskan adalah disebabkan kesungguhan dan kewibaannya mengurus dan melaksanakan langkah-langkah yang positif dan berani di dalam memungut pendapatan dari hasilnya sendiri. Walau bagaimanapun, haruslah diingatkan bahawa pada awal tahun 1976, sebelum BERJAYA mengambil alih tampok Kerajaan Negeri, Sabah hampir-hampir bankrup sehingga pembayaran gaji kakitangan Kerajaan pun sukar dilaksanakan oleh kerana ketiadaan kewangan. Perkara sedemikian boleh berulang jika sekiranya ekonomi negeri dibiarkan lembab dan jika sekiranya Kerajaan Negeri tidak mengambil langkah-langkah untuk mempelbagaikan sumber-sumber pendapatan ataupun hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon dan merayu agar Kerajaan Persekutuan dapat memberi peruntukan yang wajar dan mencukupi demi menampung sekurang-kurangnya pembangunan yang telah dirancang dan kalau boleh memperhebatkan lagi pelaksanaan pembangunan yang didahagikan oleh rakyat di Sabah.

Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya peruntukan tidak mencukupi, akibatnya nanti ialah Sabah akan lebih jauh lagi ketinggalan dari negeri-negeri lain di Semenanjung. Saya ingin menegaskan di sini bahawa walaupun Negeri Sabah mempunyai sumber dan hasil yang kaya dan walaupun taraf kehidupan rakyat telah meningkat, namun banyak lagi terdapat rakyat di Sabah berada di dalam paras kemiskinan. Kemudahan-kemudahan awam seperti pelajaran, kesihatan, bekalan tenaga dan air masih jauh belum mencukupi. Infrastruktur dikedepakan daerah masih lagi mundur dan dalam keadaan primitif. Demi menaikkan taraf kemudahan-kemudahan dan infrastruktur ini, adalah sangat perlu dan semestinyalah Negeri Sabah diberi peruntukan pembangunan yang realistik. Saya berharap sesungguhnya Kerajaan Persekutuan tidak akan mengeneikan rayuan-rayuan kami untuk mendapatkan pembahagian peruntukan pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Belanjawan 1985.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.27 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1985 pada amnya dapat diterima dan disifatkan oleh rakyat Malaysia sebagai satu belanjawan yang murah hati dengan beberapa keanihan yang menyenangkan, yang boleh dianggap sebagai satu persediaan awal bagi pilihanraya umum akan datang.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kita yang baru kerana menyampaikan

belanjawan sulung beliau dan lebih-lebih lagi ucapan sulung beliau yang pertama kali di dalam Dewan yang mulia ini. Beliau telah mempersembahkan satu belanjawan yang tidak sangat membebankan. Pada amnya dalam saat kita menghadapi perkara ketidak-tentuan yang berlaku dalam suasana ekonomi antarabangsa, terutamanya mengenai pemulihan ekonomi antarabangsa semasa.

Walaupun pada keseluruhan Belanjawan 1985 ialah satu kemurahan hati, tetapi saya berpendapat bahawa sikap murah hati oleh Kerajaan itu nampaknya lebih memanfaatkan golongan kaya daripada golongan miskin. Maka dapatlah kita gambaran bahawa ini ialah satu belanjawan bagi golongan orang kaya. Dengan memberi lebih banyak pelepasan kepada golongan berpendapatan tinggi dan kurang pula kepada golongan berpendapatan rendah, maka adalah jelas bahawa jurang perbezaan antara golongan kaya dan golongan miskin semakin luas.

Satu contoh baik ialah potongan cukai yang murah hati untuk kalangan berpendapatan tinggi yang

membolehkan mereka menikmati pengurangan cukai yang tinggi daripada kalangan berpendapatan rendah. Saya tidak bermaksud untuk membantah pengurangan cukai yang tinggi untuk kumpulan berpendapatan tinggi yang mana saya menghargai atau menerima alasan-alasan cadangan susunan cukai yang mana memberi galakan kepada rakyat Malaysia supaya bekerja kuat, lebih menyimpan, melabur dan lebih produktif lagi.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya akan sambung esok.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, Yang Berhormat boleh sambung pada esok hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula esok, hari Jumaat, 26-10-1984 pada jam 3.00 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*